

Laporan Tahunan  
**2023**

**Kumpulan  
Wang  
Industri  
Elektrik**





# **Laporan Tahunan 2023**

# **Kumpulan Wang Industri Elektrik**

LAPORAN TAHUNAN KUMPULAN WANG INDUSTRI ELEKTRIK 2023 ini dikemukakan kepada Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA) selaras dengan peruntukan Seksyen 44E (2) Akta Bekalan Elektrik 1990 iaitu "Suruhanjaya hendaklah dengan secepat yang dapat dilaksanakan menghantar suatu salinan penyata akaun yang diperakui oleh juruaudit dan salinan laporan juruaudit kepada Menteri yang hendaklah menyebabkannya dibentangkan di hadapan kedua-dua Majlis Parlimen".

© Hakcipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa cara pun sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau lain-lain sebelum mendapat izin bertulis dari Suruhanjaya Tenaga. Untuk sebarang petikan maklumat daripada penerbitan ini, kenyataan berikut hendaklah disertakan:

"Sumber: Suruhanjaya Tenaga".

Diterbitkan oleh:

**SURUHANJAYA TENAGA (ENERGY COMMISSION)**

No. 12, Jalan Tun Hussein, Presint 2,

62100 Putrajaya, Malaysia

T: (603) 8870 8500

F: (603) 8888 8637

[www.st.gov.my](http://www.st.gov.my)

ISSN: 2636-9869

No. Penerbitan ST: ST(P)11/11/2024

**DICETAK DI MALAYSIA**

# KANDUNGAN

<b>AKRONIM DAN SINGKATAN</b>	<b>2</b>	<b>PENGURUSAN DANA KWIE</b>	<b>21</b>
<b>PERUTUSAN PENGERUSI</b>	<b>3</b>	Terimaan Sumbangan KWIE	22
<b>PENGENALAN</b>	<b>4</b>	Pendapatan Faedah KWIE	23
Maklumat Korporat	5	Pelaburan Dana KWIE	24
Penubuhan Kumpulan Wang Industri Elektrik (KWIE)	6	Penggunaan Dana Oleh KWIE	26
Akta Bekalan Elektrik 1990	7	<b>LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN KWIE</b>	<b>28</b>
Jawatankuasa KWIE	8	Penyata Pengerusi dan Seorang Anggota Suruhanjaya Tenaga	33
<b>AKTIVITI KWIE BAGI TAHUN 2023</b>	<b>10</b>	Pengakuan oleh Pegawai Utama Yang Bertanggungjawab Ke Atas Pengurusan Kewangan KWIE	34
Mesyuarat Jawatankuasa Kumpulan Wang Industri Elektrik (JKKWE) bagi Tahun 2023	11	Penyata Kewangan KWIE bagi Tahun berakhir 31 Disember 2023	35
Penyata Kewangan Dan Laporan Tahunan Kumpulan Wang Industri Elektrik (KWIE) Bagi Tahun 2022	12		
Mengurus Impak Tarif Elektrik	13		
Semakan Sistem Digital KWIE	18		
Kemas Kini Manual Prosedur Pengurusan Kewangan KWIE	19		
Pembangunan Kapasiti Unit KWIE	20		

# AKRONIM DAN SINGKATAN

<b>ABE</b>	Akta Bekalan Elektrik 1990 [Akta 447]
<b>BNM</b>	Bank Negara Malaysia
<b>CA</b>	Akaun Semasa - <i>Current Account</i>
<b>FAQ</b>	Soalan-soalan Lazim – <i>Frequently Asked Questions</i>
<b>FD</b>	Simpanan Tetap - <i>Fixed Deposit</i>
<b>FOMCA</b>	Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia - <i>Federation of Malaysian Consumers Associations</i>
<b>IBR</b>	Kawal Selia Berasaskan Insentif - <i>Incentive Based Regulation</i>
<b>ICPT</b>	<i>Imbalance Cost Pass-Through</i>
<b>JAN</b>	Jabatan Audit Negara
<b>JKKWIE</b>	Jawatankuasa Kumpulan Wang Industri Elektrik
<b>KHTP</b>	Kulim Hi-Technology Park
<b>KWIE</b>	Kumpulan Wang Industri Elektrik
<b>LAP</b>	Lesen Awam Pengagihan
<b>LHDNM</b>	Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia
<b>MJM</b>	Mesyuarat Jemaah Menteri
<b>MOF</b>	Kementerian Kewangan - <i>Ministry of Finance</i>
<b>NRECC</b>	Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, kemudiannya dikenali sebagai Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air
<b>NUR Dist.</b>	NUR Distribution Sdn. Bhd.
<b>OPR</b>	<i>Overnight Policy Rate</i>
<b>PETRA</b>	Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air
<b>RP</b>	Tempoh Kawal Selia - <i>Regulatory Period</i>
<b>SESB</b>	Sabah Electricity Sdn. Bhd.
<b>ST</b>	Suruhanjaya Tenaga
<b>STMMMD</b>	<i>Short Term Money Market Deposit</i>
<b>TNB</b>	Tenaga Nasional Berhad

# Perutusan Pengerusi

Laporan Tahunan Kumpulan Wang Industri Elektrik 2023 adalah laporan komprehensif yang dibentangkan kepada Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA) selaras dengan Seksyen 44E (2) Akta Bekalan Elektrik 1990 (ABE) [Akta 447]. Laporan tersebut merangkumi pelbagai aspek berkaitan Kumpulan Wang Industri Elektrik (KWIE), termasuk penubuhannya, aktiviti, pengurusan impak tarif elektrik, pengurusan dana dan penyata kewangan.

KWIE, yang ditubuhkan di bawah ABE, memainkan peranan penting dalam menguruskan kesan tarif elektrik ke atas pengguna dan aktiviti lain yang berkaitan. Pada tahun 2023, sebanyak RM391 juta terimaan telah diputuskan oleh Kerajaan untuk dimasukkan ke dalam dana KWIE manakala sebanyak RM23 juta hasil diterima daripada pendapatan faedah deposit yang ditempatkan di akaun *Short Term Money Market Deposit* (STMMD), akaun *Fixed Deposit* (FD) dan akaun Pelaburan Jangka Pendek (PJP).

Nilai aset bersih dana KWIE pada tahun 2023 meningkat sebanyak 44% ke RM1,343 juta dari RM936 juta pada tahun sebelumnya. Peningkatan ini adalah berikutan tiada perbelanjaan bagi tumpungan rebat/surc妖 *Imbalance Cost Pass-Through* (ICPT) oleh dana KWIE memandangkan perbelanjaan tersebut ditampung sepenuhnya oleh Kementerian Kewangan (MOF).

Nilai bersih rizab dana KWIE pula telah meningkat sebanyak 4% ke RM457 juta dari RM438 juta pada tahun sebelumnya dan hasil peningkatan adalah daripada pendapatan faedah deposit di STMMD, FD dan PJP dan tambahan 2% daripada terimaan tahun semasa.

Sepanjang tahun 2023, Jawatankuasa KWIE telah bersidang sebanyak tiga (3) kali bagi membincangkan dan memperakurkan perkara-perkara berhubung pengurusan dana KWIE agar pengurusan dana KWIE dapat dikendalikan dengan tatakelola yang berhemah dan teratur.

Dalam pada itu, seperti tahun-tahun sebelumnya, Penyata Kewangan KWIE 2023 telah diberikan "Sijil Bersih" tanpa teguran daripada Ketua Audit Negara di atas pengurusan kewangan yang baik dan teratur.

Akhir kata, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Jawatankuasa KWIE dan urus setianya kerana telah melaksanakan tanggungjawab dengan penuh komitmen dalam mengendalikan dana KWIE bagi mencapai hasrat penubuhan KWIE iaitu untuk menguruskan kesan tarif elektrik kepada pengguna.

Terima kasih dan salam hormat.

## **DELAKAN RATHA KRISNAK**

Pengerusi Jawatankuasa Kumpulan Wang Industri Elektrik



# Pengenalan

- 5 MAKLUMAT KORPORAT**
- 6 PENUBUHAN KUMPULAN WANG INDUSTRI ELEKTRIK (KWIE)**
- 7 AKTA BEKALAN ELEKTRIK 1990**
- 8 JAWATANKUASA KWIE**

# Maklumat Korporat

## Visi

**Ke Arah Sebuah Badan Kawal Selia Tenaga Bertaraf Dunia Menjelang 2026**

## Misi

**Suruhanjaya Tenaga berazam untuk mengimbangi keperluan pengguna dan pembekalan tenaga bagi memastikan pembekalan yang selamat dan berdaya harap pada harga yang berpatutan, melindungi kepentingan awam, dan menggalakkan pembangunan ekonomi dan pasaran yang kompetitif dalam persekitaran yang lestari.**

## Nilai Teras



Profesionalisme



Integriti



Kecemerlangan



Ketulusan Dan Kesaksamaan

## Mengenai Suruhanjaya Tenaga

Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Tenaga 2001, Suruhanjaya Tenaga (ST) bertanggungjawab mengawal selia sektor tenaga, khususnya industri pembekalan elektrik dan gas berpaip di Semenanjung Malaysia dan Sabah.

Mengambil alih peranan Jabatan Bekalan Elektrik dan Gas, ST mula beroperasi sepenuhnya pada 1 Januari 2002. Fokus utama ST ialah bekalan elektrik dan gas yang berdaya harap, kos yang munasabah dan selamat digunakan.

Peranan ST dalam mengawal selia terbahagi kepada tiga (3) aspek iaitu daripada segi Kawal Selia Ekonomi, Kawal Selia Teknikal dan Peraturan Keselamatan.



Untuk menggalakkan keekonomian dalam penjanaan, penghantaran, pengagihan, pembekalan dan penggunaan elektrik dan dalam retikulasi dan penggunaan gas; menggalakkan persaingan; membolehkan pengendalian pasaran yang adil dan cekap dan mencegah penyalahgunaan monopolii atau kuasa pasaran dalam industri elektrik dan gas berpaip.

Untuk memastikan keselamatan, daya harap, kecekapan dan kualiti bekalan dan perkhidmatan dalam industri elektrik dan bekalan gas berpaip.

Untuk melindungi industri, pengguna dan orang awam daripada bahaya yang timbul daripada penjanaan, penghantaran, pengagihan, pembekalan dan penggunaan elektrik, serta pengagihan, pembekalan dan penggunaan gas berpaip.

# Penubuhan Kumpulan Wang Industri Elektrik (KWIE)



## Peruntukan Akta

Ditubuhkan pada 1 Januari 2016 di bawah Akta Bekalan Elektrik 1990 (ABE) [Akta 447]



## Pentadbiran dan Kawalan ke atas KWIE

Seperti yang termaktub di bawah subseksyen 44C(1) ABE, KWIE hendaklah ditadbir dan dikawal oleh ST.



## Fungsi KWIE

Fungsi KWIE adalah bagi menguruskan impak tarif elektrik terhadap pengguna atau apa-apa maksud lain yang berkaitan dengan industri elektrik sebagaimana yang disifatkan perlu oleh ST.

Bagi melicinkan pengurusan dana KWIE, ST telah menubuhkan Jawatankuasa KWIE (JKKWIE) pada 4 Ogos 2015 untuk mengendalikan dana KWIE secara berhemah dan teratur.

# Akta Bekalan Elektrik 1990

Pengoperasian KWIE adalah berdasarkan peruntukan-peruntukan di bawah Akta Bekalan Elektrik 1990 (ABE) [Akta 447] seperti berikut:

## Operasi KWIE di bawah Peruntukan ABE




# Jawatankuasa KWIE

JKKWIE ditubuhkan melalui kelulusan Mesyuarat ST pada 4 Ogos 2015 dan 12 Februari 2016 yang berfungsi dalam memutuskan dasar dan tatacara berhubung penerimaan dan penggunaan wang dalam akaun KWIE. Ia juga ditubuhkan dengan terma rujukan bagi memastikan kewujudan semak dan imbang dalam tadbir urus KWIE selaras dengan objektif penubuhannya.

## Keanggotaan JKKWIE



Nota: Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA) sebelum ini dikenali sebagai Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC) sebelum mengalami penstrukturkan oleh Kerajaan pada 12 Disember 2023.





## Fungsi dan Tanggungjawab JKWKIE

01

Peruntukan berkenaan sumbangan oleh pemegang lesen ke dalam KWIE, jika dikehendaki oleh Menteri di bawah peraturan-peraturan atau perintah dalam warta.

02

Memperakurkan amaun wang yang akan digunakan untuk menguruskan impak tarif elektrik seperti yang diputuskan oleh Mesyuarat Jemaah Menteri (MJM).

03

Menentukan semua laporan dan penyata berhubung dengan akaun KWIE disediakan dan dikemukakan sebagaimana yang ditetapkan di dalam ABE, Arahan Perbendaharaan dan Pekeliling Kerajaan yang berkaitan.

04

Memperakurkan Anggaran Perbelanjaan Tahunan Akaun, Anggaran Perbelanjaan Tambahan Akaun dan Pemindahan Peruntukan Bajet.

05

Memastikan bahawa akaun KWIE berbaki kredit dan tidak terlebih dikeluarkan semasa meluluskan Anggaran Perbelanjaan Akaun.

06

Menentukan amaun untuk dilaburkan mengikut apa-apa cara sebagaimana yang diluluskan oleh Menteri dengan persetujuan Menteri Kewangan.

## Aktiviti KWIE bagi Tahun 2023

- 11 MESUARAT JAWATANKUASA KUMPULAN WANG INDUSTRI ELEKTRIK (JKKWIE) BAGI TAHUN 2023**
- 12 PENYATA KEWANGAN DAN LAPORAN TAHUNAN KUMPULAN WANG INDUSTRI ELEKTRIK (KWIE) BAGI TAHUN 2022**
- 13 MENGURUS IMPAK TARIF ELEKTRIK**
- 18 SEMAKAN SISTEM DIGITAL KWIE**
- 19 KEMAS KINI MANUAL PROSEDUR PENGURUSAN KEWANGAN KWIE**
- 20 PEMBANGUNAN KAPASITI UNIT KWIE**

# Mesyuarat Jawatankuasa Kumpulan Wang Industri Elektrik (JKKWIE) bagi Tahun 2023

Bagi menjalankan fungsi-fungsi Kumpulan Wang Industri Elektrik (KWIE) terutamanya dalam mengurus impak tarif elektrik terhadap pengguna, Suruhanjaya Tenaga (ST) pada 4 Ogos 2015, telah menubuhkan Jawatankuasa Kumpulan Wang Industri Elektrik (JKKWIE). Tujuannya adalah untuk melicinkan pengurusan dana KWIE dan mengendalikannya dengan tatakelola yang berhemah dan teratur.

Sepanjang tahun 2023, JKKWIE telah bersidang sebanyak tiga (3) kali bagi membincang dan memperakukan perkara-perkara berhubung pengurusan dana KWIE seperti berikut:

## Isu Perbincangan Tadbir Urus KWIE bagi Tahun 2023



### Mesyuarat JKKWIE Bil. 1/2023

17 JAN 2023

- i. Cadangan Penyata Kewangan dan Laporan Tahunan KWIE bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2022 (Sebelum Diaudit).
- ii. Status Terkini Mengenai Penyediaan Draf Perintah Bekalan Elektrik (Sumbangan oleh Pemegang Lesen Awam Penjanaan).



### Mesyuarat JKKWIE Bil. 2/2023

21 JUN 2023

- i. Cadangan Bajet KWIE Tahun 2024.
- ii. Cadangan Kemas Kini Penandatangan dan Had Kuasa bagi Akaun Bank KWIE.



### Mesyuarat JKKWIE Bil. 3/2023

22 SEP 2023

- i. Cadangan Semakan Semula Asas Pengenaan Fi Pentadbiran KWIE.
- ii. Cadangan Kemas Kini Manual Prosedur Pengurusan Kewangan (MPPK) KWIE.

---

# **Penyata Kewangan dan Laporan Tahunan Kumpulan Wang Industri Elektrik (KWIE) bagi Tahun 2022**

Matlamat paling utama KWIE adalah melaksanakan semua keputusan dasar kerajaan dan menjalankan aktiviti pengurusan dana KWIE secara profesional dan beretika. Oleh yang demikian, sebagai pemegang amanah dan pengurus dana industri elektrik yang ditubuhkan di bawah Akta Bekalan Elektrik 1990 [Akta 447] (ABE), KWIE amat berdedikasi dalam memastikan tanggungjawab yang diamanahkan dapat dilaksanakan pada tahap integriti yang tertinggi.

Dengan peruntukan Akta yang sama, subseksyen 44E(1), menghendaki supaya KWIE menyediakan suatu penyata akaun termasuk kunci kira-kira dan bagi sumbangan dan perbelanjaan serta suatu pernyataan mengenai aktiviti KWIE pada setiap berakhirnya tahun kewangan.

Sehubungan dengan itu, draf Penyata Kewangan (PK) KWIE dan Laporan Tahunan (LT) KWIE Tahun 2022 telah dibentangkan dan diluluskan di dalam Mesyuarat JKKWIE Bilangan 1/2023 pada 17 Januari 2023 dan Mesyuarat ST Bilangan 1/2023 pada 19 Januari 2023 untuk diaudit oleh Jabatan Audit Negara (JAN). Pihak JAN telah melantik Firma Audit Swasta (FAS) iaitu Razali Abd Karim & Co., sebagai wakil untuk menjalankan kerja-kerja pengauditan PK KWIE.

PK KWIE selepas diaudit (tanpa pindaan) telah ditandatangani oleh Ketua Audit Negara pada 2 Mei 2023 dengan Sijil Bersih Tanpa Teguran dan seterusnya bersama-sama LT KWIE Tahun 2022 telah diluluskan di dalam Mesyuarat ST Bilangan 5/2023 pada 29 Mei 2023.

Salinan PK KWIE dan LT KWIE Tahun 2022 selepas diaudit telah dikemukakan kepada pihak Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC) pada 30 Ogos 2023. PK KWIE dan LT KWIE Tahun 2022 telah dibentangkan di kedua-dua Majlis Parlimen, iaitu di Dewan Rakyat pada 12 Mac 2024 dan di Dewan Negara pada 18 Mac 2024.


# Mengurus Impak Tarif Elektrik

## Kerangka Kawal Selia Berasaskan Insentif (*Incentive Based Regulation - IBR*)

Berdasarkan kepada keputusan Kerajaan, ST telah mula melaksanakan rangka kerja IBR bagi penetapan dan pelarasan tarif elektrik Tenaga Nasional Berhad (TNB) untuk setiap tempoh kawal selia (*Regulatory Period (RP)*) sejak tahun 2014 (tempoh percubaan) dan 2015 (tempoh kawal selia pertama).

Sementara itu, pelaksanaan rangka kerja IBR bagi penetapan dan pelarasan tarif elektrik di Kulim Hi-Technology Park (KHTP) serta Sabah Electricity Sdn. Bhd. (SESB) pula bermula masing-masing sejak tahun 2016 dan 2022. Tujuan pelaksanaan rangka kerja IBR ini adalah untuk mengawal selia utiliti seperti KHTP dan SESB daripada segi kecekapan operasi dan kos yang efisien dalam menyediakan perkhidmatan bekalan elektrik kepada pengguna masing-masing.

Pelaksanaan ini selaras dengan peruntukan tersebut, penetapan RP dan kadar tarif asas elektrik TNB di Semenanjung, Nur Distribution Sdn. Bhd. (Nur Dist.) di KHTP serta SESB di Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan yang telah diluluskan oleh Kerajaan adalah seperti berikut:



## Keputusan Imbalance Cost Pass-Through (ICPT) bagi Tahun 2023

### Semenanjung

Tempoh	Jan – Jun 2023			Jul – Dis 2023		
Kategori Pengguna	Domestik	Bukan Domestik <sup>1</sup>	Bukan Domestik <sup>2</sup>	Domestik	Bukan Domestik <sup>1</sup>	Bukan Domestik <sup>2</sup>
<b>Keputusan Majlis Jemaah Menteri (MJM)</b>	<b>Rebat</b> RM2.00 sen/kWj	<b>Surcaj</b> RM3.70 sen/kWj	<b>Surcaj</b> RM20.00 sen/kWj	<b>Rebat</b> RM2.00 sen/kWj  <b>Surcaj</b> RM10.00 sen/kWj	<b>Surcaj</b> RM3.70 sen/kWj	<b>Surcaj</b> RM17.00 sen/kWj
<b>Tampungan KWIE</b>	-			-		
<b>Tampungan Kerajaan</b>	<b>RM10,757 juta</b>			<b>RM5,204 juta</b>		

Nota:

1. Bagi pengguna bukan domestik berkategori tarif B, D, H, H1 dan H2.
2. Bagi pengguna bukan domestik berkategori tarif selain daripada nota no. 1.
3. Bagi pengguna bukan domestik berkategori tarif B, D, H, H1 dan H2 serta operator air dan pembentangan.
4. Bagi pengguna bukan domestik berkategori tarif selain daripada nota no. 3.
5. Bagi penggunaan kurang daripada 1,500kWj.
6. Bagi penggunaan melebihi 1,501kWj.

### KHTP

Tempoh	Jan – Jun 2023		Jul – Dis 2023	
Kategori Pengguna	Domestik	Bukan Domestik	Domestik	Bukan Domestik
<b>Keputusan Majlis Jemaah Menteri (MJM)</b>	-	<b>Surcaj</b> RM8.19 sen/kWj	-	<b>Surcaj</b> RM5.39 sen/kWj
<b>Tampungan KWIE</b>	-		-	
<b>Tampungan Kerajaan</b>	-		-	

### Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan

Tempoh	Jan – Jun 2023			Jul – Dis 2023		
Kategori Pengguna	Domestik	Bukan Domestik <sup>1</sup>	Bukan Domestik <sup>2</sup>	Domestik	Bukan Domestik <sup>1</sup>	Bukan Domestik <sup>2</sup>
<b>Keputusan Majlis Jemaah Menteri (MJM)</b>	<b>Rebat</b> RM0.00 sen/kWj	<b>Surcaj</b> RM0.00 sen/kWj	<b>Surcaj</b> RM10.04 sen/kWj	<b>Rebat</b> RM0.00 sen/kWj <sup>3</sup>  <b>Surcaj</b> RM2.11 sen/kWj <sup>4</sup>	<b>Surcaj</b> RM0.00 sen/kWj	<b>Surcaj</b> RM2.11 sen/kWj
<b>Tampungan KWIE</b>	-			-		
<b>Tampungan Kerajaan</b>	<b>RM212 juta</b>			<b>RM54 juta</b>		

Nota:

1. Bagi pengguna bukan domestik berkategori tarif CM1 dan ID1.
2. Bagi pengguna bukan domestik berkategori tarif selain daripada nota no. 1.
3. Bagi penggunaan kurang daripada 1,500kWj.
4. Bagi penggunaan melebihi 1,501kWj.


## Tuntutan Tampungan Kos ICPT Pengguna Domestik dan Bukan Domestik bagi Tahun 2023

Selaras dengan keputusan Kerajaan, peruntukan bagi tampungan kos *Imbalance Cost Pass-Through* (ICPT) ini dibiayai sepenuhnya oleh Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) dan pembayaran tuntutan tampungan kos ICPT disalurkan secara terus kepada pemegang lesen oleh NRECC.


Pemegang lesen yang terlibat dengan tuntutan tampungan kos ICPT merangkumi TNB, SESB dan pemegang Lesen Awam Pengagihan (LAP).

Pihak MOF telah menetapkan bahawa proses penyaluran dana tampungan adalah melalui pembayaran balik berdasarkan tuntutan daripada pemegang lesen yang telah disemak dan disahkan oleh pihak ST sebelum dikemukakan kepada MOF melalui NRECC.

### Carta Alir Proses Tuntutan ICPT



## Perbandingan Tuntutan Tampungan Kos ICPT Yang Disemak Oleh Unit KWIE bagi Tahun 2023 dan Tahun 2022



## Penyediaan Soalan-soalan Lazim Bagi Tuntutan Tampungan Kos ICPT

Bagi memastikan kepatuhan pemegang LAP kepada keperluan perundangan, dan mekanisme ICPT dilaksanakan secara teratur dan lancar, Unit KWIE telah membangunkan himpunan Soalan-soalan Lazim (*Frequently Asked Questions (FAQ)*) untuk dijadikan rujukan dan panduan kepada pemegang LAP dalam melaksanakan mekanisme ICPT dan tuntutan tampungan kos ICPT kepada Kerajaan untuk tempoh semasa dan akan datang.

Himpunan FAQ tersebut telah dibentangkan dan diluluskan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Tertinggi Suruhanjaya Tenaga (JKPTST) bilangan 10/2023 pada 26 Mei 2023. FAQ ini telah dimuat naik ke laman sesawang ST dan diedarkan kepada pemegang LAP sebagai rujukan.


Secara ringkasnya, FAQ tuntutan tampungan kos ICPT mengandungi perkara seperti berikut:



## Pemerhatian Terhadap Tuntutan Tampungan Kos ICPT yang Disemak dan Disahkan Oleh ST

Dalam menyemak dan mengesahkan tuntutan tampungan kos ICPT, didapati sebahagian tuntutan tidak mematuhi keperluan perundangan. Sehubungan itu, bagi mengatasi dan menyelesaikan isu-isu tersebut, Unit KWIE telah mengadakan beberapa siri perbincangan dan tunjuk ajar kepada pemegang lesen bersama unit-unit yang berkaitan di ST.

Antara isu-isu yang berkaitan adalah seperti berikut:



Kesalahan di atas akan memberikan impak kepada keperluan regulatori dan perundangan, termasuklah pematuhan seperti berikut:

- Akta Bekalan Elektrik 1990 (ABE) [Akta 447];
- Syarat lesen ST seperti yang diperuntukkan di bawah Seksyen 9, ABE; dan
- Peraturan-peraturan Bekalan Pemegang Lesen 1990.

# Semakan Sistem Digital KWIE

Sistem Digital KWIE (SD KWIE) bagi modul-modul kewangan mula digunakan (go-live) pada 21 Mac 2022 secara berperingkat dan telah diserahkan secara rasmi (*sign-off*) pada 15 November 2022 dengan tempoh jaminan selama satu (1) tahun. Sehubungan itu, perekodan transaksi-transaksi dan pelaporan PK KWIE mulai tahun kewangan 2022 telah dilaksanakan dan dijana sepenuhnya melalui SD KWIE.

Seterusnya, memandangkan SD KWIE masih dalam tempoh jaminan dan PK KWIE bagi tahun 2022 pertama kali dijana melalui sistem, semakan pasca pelaksanaan sistem telah dilaksanakan bagi menilai *output* yang diperoleh mencapai spesifikasi asal yang ditetapkan. Sekiranya terdapat sebarang jurang yang dikenal pasti bagi output yang diperoleh berbanding dengan spesifikasi asal semasa semakan pasca pelaksanaan, penambahbaikan akan dibuat ke atas sistem agar ia dapat beroperasi dengan lebih lancar dan teratur pada masa akan datang.

Manakala, SD KWIE bagi bahagian Modul Hasil akan berintegrasi dengan Sistem IRiST di dalam Projek Transformasi Digital Suruhanjaya Tenaga apabila sistem berkenaan mula digunakan kelak.



# Kemas Kini Manual Prosedur Pengurusan Kewangan KWIE

Manual Prosedur Pengurusan Kewangan (MPPK) KWIE merupakan sebagai asas rujukan pelbagai prosedur berkaitan pengurusan kewangan KWIE yang perlu dipatuhi oleh kakitangan yang terbabit dalam pengendalian urusan KWIE. Ini bagi memastikan pengurusan dana KWIE dan kawalan dalaman dapat dijalankan dengan lebih baik dan mencerminkan pengurusan dana KWIE yang cekap, telus dan teratur.

Sehubungan itu, selaras dengan penggunaan sistem kewangan KWIE yang telah digunakan secara berperingkat sejak 21 Mac 2022, MPPK KWIE perlu dikemas kini bagi menggantikan proses kerja secara manual yang dibuat sebelum ini. Pada 22 September 2023, Mesyuarat JKKWIE bilangan 3/2023 telah meluluskan kemas kini MPPK KWIE dan seterusnya telah diperakukan di Mesyuarat ST bilangan 10/2023 pada 17 Oktober 2023.



## Mesyuarat ST Bil.3/2019

11 NOV 2019

Mewujudkan MPPK yang diadaptasi dan disesuaikan daripada MPPK ST, untuk dijadikan rujukan dan panduan pengurusan kewangan KWIE.



## Mesyuarat ST Bil.10/2021

26 OGOS 2021

Kelulusan membangunkan SD KWIE bagi menggantikan proses perekodan dan proses kerja secara manual.



## Mesyuarat ST Bil.10/2023

17 OKT 2023

Kemas kini MPPK KWIE telah diluluskan dengan mengambil kira perkara berikut:

- Kemas kini pada seksyen 1 hingga 10, selaras dengan penggunaan SD KWIE.
- Kemas kini pada seksyen 9, berkenaan *threshold* nilai material pelarasan transaksi di dalam penutupan akaun tahunan, selaras dengan saranan Jabatan Audit Negara (JAN).

# Pembangunan Kapasiti Unit KWIE

Unit KWIE telah menyertai beberapa program pembangunan kapasiti bagi meningkatkan dan menambah baik keupayaan, kebolehan serta kredibiliti diri dan mutu kerja agar kekal relevan bersama kemajuan inovasi semasa. Antara program yang disertai adalah seperti Bengkel Perkongsian Pengetahuan oleh *Office of Gas and Electricity Market (Ofgem)*, *Malaysia Institute of Accountants (MIA) International Accountants Conference 2023*, Bengkel Pelesenan ST 2023, Bengkel Penyediaan dan Semakan Data sistem IRIST, Bengkel *Regulatory Impact Analysis (RIA)*, *SME Classroom Program: Tariff Setting Session 1, Energy Transition Townhall*, Kursus Kepner-Tregoe Decision Making, *Energy Asia Conference* dan *TNB Attachment Program : Distribution Network*.



# Pengurusan Dana KWIE

**22 TERIMAAN SUMBANGAN KWIE**

**23 PENDAPATAN FAEDAH KWIE**

**24 PELABURAN DANA KWIE**

**26 PENGGUNAAN DANA OLEH KWIE**

# Terimaan Sumbangan KWIE

Pada tahun 2023, Kumpulan Wang Industri Elektrik (KWIE) telah merekodkan terimaan dana daripada Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan NUR Distribution Sdn. Bhd (Nur Dist.). Terimaan dana KWIE adalah seperti berikut:

- Lebihan kutipan kadar surcaj *Imbalance Cost Pass-Through* (ICPT) oleh TNB seperti yang diputuskan oleh Kerajaan di dalam Mesyuarat Jemaah Menteri (MJM).



Lebihan kutipan kadar surcaj ICPT sebanyak 1.47sen/kWj bersamaan RM391.00 juta<sup>1</sup> dipindahkan ke dalam dana KWIE.

- Pelarasan hasil tahunan tahun 2022 seperti keputusan Kerajaan.



Pelarasan hasil tahunan Nur Dist. tahun 2022 sebanyak RM0.68 juta<sup>2</sup> disalurkan ke dalam dana KWIE.



Pelarasan hasil TNB tahun 2022 sebanyak RM351.00 juta<sup>2</sup> dipulangkan kepada dana KWIE.

Nota:

- Lebihan kutipan surcaj ICPT yang diluluskan oleh Kerajaan adalah berasaskan amaun anggaran manakala amaun yang dipindahkan oleh TNB kepada KWIE berdasarkan data jualan sebenar dan terhad setakat amaun yang diluluskan oleh Kerajaan. Sekiranya amaun sebenar selepas audit melebihi amaun yang diluluskan Kerajaan, amaun perbezaan berkenaan akan dilaraskan semasa semakan tarif pada tempoh semakan berikutnya.
- Pelarasan Hasil Tahunan TNB dan NUR Dist. yang dipindahkan ke dana KWIE berdasarkan amaun yang telah diaudit.

Pada 16 Jun 2023, Kerajaan telah memutuskan supaya pelarasan hasil tahunan (*Annual Regulatory Adjustment (ARA)*) Nur Dist. tahun 2022 sebanyak RM0.68 juta disalurkan ke dalam dana KWIE.

Seterusnya Kerajaan pada 21 Jun 2023, memutuskan supaya lebihan kutipan kadar surcaj ICPT sebanyak RM391.00 juta yang dikutip oleh TNB, dimasukkan ke dalam dana KWIE bagi tempoh pelaksanaan dari 1 Julai 2023 hingga 31 Disember 2023.

Sehingga Disember 2023, TNB telah memindahkan sebanyak RM197.82 juta lebihan kutipan kadar surcaj ICPT berdasarkan jualan sebenar bagi bulan Julai hingga September 2023, manakala bakinya sebanyak RM193.18 juta bagi bulan Oktober hingga Disember 2023 akan dipindahkan pada tahun 2024.

Kerajaan turut memutuskan pada 13 Disember 2023 supaya pelarasan hasil tahunan TNB bagi tahun 2022 di bawah tatacara ARA sebanyak RM351.00 juta dipulangkan kepada dana KWIE.

Penyata Kewangan KWIE bagi tahun 2022 telah dinyatakan semula apabila ARA TNB dan ARA NUR yang berjumlah RM351.00 juta diluluskan MJM pada tahun 2023 adalah merupakan terimaan tahun 2022.

# Pendapatan Faedah KWIE

KWIE memperoleh pendapatan faedah yang terdiri daripada keuntungan bagi penempatan dana KWIE di dalam Simpanan Tetap (FD), Short Term Money Market Deposit (STMMD), hibah Akaun Semasa (CA) KWIE dan hibah Akaun Rizab KWIE di institusi kewangan yang berdaftar di bawah Kementerian Kewangan (MOF).


Secara umumnya, jumlah pendapatan faedah FD dan STMMD yang diperoleh oleh KWIE pada tahun 2023 telah menurun sebanyak 8% berbanding tahun 2022. Penurunan ini disebabkan oleh penyusutan dana terkumpul tahun 2022 sebanyak 68% yang digunakan bagi pembayaran tumpungan kos ICPT tahun 2022 sebanyak RM1,007.80 juta dan tiada sebarang terimaan ke dalam dana KWIE pada tahun tersebut.

Selain itu, KWIE hanya menerima sebahagian pindahan dana pada akhir tahun 2023 yang turut menyumbang kepada penurunan pendapatan faedah pada tahun 2023.

## Perbandingan Pendapatan Faedah KWIE, Tahun 2022 – 2023

Pendapatan Faedah		
	2023	2022
Faedah FD & STMMD	RM21.62 juta	RM23.39 juta
Hibah CA	RM0.89 juta	RM1.98 juta
<b>Jumlah Pendapatan Faedah</b>	<b>RM22.51 juta</b>	<b>RM25.37 juta</b>

## Perbandingan Sumber Kewangan KWIE Tahun 2023 dan 2022



Nota:

1. Sebanyak RM20 ribu adalah surcaj ICPT bagi pemegang LAP pada tahun 2022 yang yang terlebih nyata dilaraskan semula pada tahun 2023.

# Pelaburan Dana KWIE

Polisi Dana KWIE telah dikemas kini selaras dengan penggunaan Sistem Digital KWIE (SD KWIE) dan keperluan semasa yang diluluskan oleh Mesyuarat ST Bilangan 7 Tahun 2023 pada 31 Julai 2023.

Selaras dengan peruntukan seksyen 44D (1) Akta Bekalan Elektrik 1990 (ABE) [Akta 447], penempatan dan pengagihan pelaburan dana KWIE dilaksanakan di institusi kewangan berdasarkan senarai yang diluluskan oleh MOF.

Sehingga kini, dana KWIE ditempatkan dalam pelaburan jenis FD dan STMMD.

## Saiz Pelaburan Dan Kadar Pulangan

Pelaburan dana KWIE di dalam FD dan STMMD tahun 2023 bagi tempoh penempatan di antara dua (2) minggu hingga 12 bulan dengan kadar pulangan di antara 2.80% hingga 4.26% telah menjana pulangan pelaburan sebanyak RM21.62 juta.

Sepanjang tahun 2023, Bank Negara Malaysia (BNM) telah menaikkan kadar *Overnight Policy Rate* (OPR) sebanyak 0.25%. Kadar OPR pada awal tahun 2022 ialah sebanyak 2.75% dan sehingga hujung tahun 2023, meningkat kepada 3.00%.


## Pengumuman OPR Tahun 2023

Tarikh pengumuman OPR	Perubahan OPR (%)	Kadar baru OPR (%)
19 Jan 2023	0	2.75
09 Mac 2023	0	2.75
03 Mei 2023	+0.25	3.00
06 Julai 2023	0	3.00
07 September 2023	0	3.00

## Peratus Agihan Penempatan Dana KWIE Tahun 2023 Mengikut Bank

Jumlah Purata Pelaburan

RM **191.32**  
juta



19.80%      30.73%      10.53%      8.84%      8.52%      11.48%      10.07%      0.02%



## Perincian Penempatan dan Pengagihan Dana KWIE di Institusi Kewangan



4 APRIL 2023

**RM141.38 juta**

23 MEI 2023

**RM154.57 juta**

20 JUN 2023

**RM218.74 juta**

21 JULAI 2023

**RM0.58 juta**

19 SEPT 2023

**RM289.58 juta**

21 DIS 2023

**RM182.62 juta**

1 DIS 2023

**RM351.74 juta**

# Penggunaan Dana Oleh KWIE

Subseksyen 44C(3) ABE 1990 memperuntukkan supaya dana KWIE digunakan untuk tujuan berikut:



## Perenggan 44C(3)(a)

Untuk menguruskan impak tarif elektrik terhadap pengguna.



## Perenggan 44C(3)(b)

Apa-apa maksud lain yang berkaitan dengan industri elektrik sebagaimana yang disifatkan perlu oleh Suruhanjaya.

Perincian perbelanjaan dana KWIE bagi tahun 2023 adalah seperti berikut:

Perbelanjaan KWIE	2023	2022
Mengurus impak tarif elektrik	-	RM1,007.80 juta
Perbelanjaan pengurusan dana	RM6.91 juta	RM7.75 juta
<b>Jumlah Perbelanjaan</b>	<b>RM6.91 juta</b>	<b>RM 1,015.55 juta</b>

## Perbelanjaan Cukai KWIE

Perbelanjaan cukai KWIE dikira atas lebihan pendapatan bercukai bagi tahun semasa berdasarkan kepada pengiraan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) dan diuruskan oleh ejen cukai yang dilantik oleh ST. Sejak tahun 2017, KWIE telah membayar dan memperuntukkan perbelanjaan cukai berjumlah RM480.00 juta.

2023

RM6.68 juta

2022


RM7.53 juta

## Kos Pentadbiran KWIE

Kos pentadbiran KWIE terdiri daripada kos pengendalian dana KWIE, iaitu fi audit Jabatan Audit Negara (JAN), fi ejen cukai, kos penerbitan Laporan Tahunan KWIE, elauan mesyuarat Jawatankuasa KWIE (JKKWIE), dan caj bank serta kos pelunasan bagi aset tak ketara yang mula diiktiraf pada tahun 2022.

Pada tahun 2023, KWIE mencatat kenaikan kos pentadbiran sebanyak 5% berbanding tahun 2022 yang disumbangkan oleh kenaikan kos pelunasan aset tak ketara yang direkodkan secara penuh pada tahun 2023 berbanding hanya dua (2) bulan tahun sebelumnya.

Perincian kos pentadbiran dan kos pelunasan aset tak ketara bagi 2023 dan 2022 adalah seperti berikut:



Kos Pentadbiran	2023	2022
Pelunasan Aset Tak Ketara	61.4%	53.5%
Kos Penerbitan	24.6%	31.2%
Caj Bank	0.1%	0.3%
Elaun Kehadiran Mesyuarat	3.4%	5.0%
Fi Audit	8.8%	8.0%
Fi Ejen Cukai	1.7%	2.0%
<b>Jumlah (RM)</b>	<b>RM0.24 juta</b>	<b>RM0.23 juta</b>

**4**

# **Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Kumpulan Wang Industri Elektrik bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2023**

- 33 PENYATA PENGERUSI DAN SEORANG ANGGOTA SURUHANJAYA TENAGA**
- 34 PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN KWIE**
- 35 PENYATA KEWANGAN KWIE BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023**



**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA  
MENGENAI PENYATA KEWANGAN  
KUMPULAN WANG INDUSTRI ELEKTRIK  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023**

**Sijil Mengenai Pengauditan Penyata Kewangan**

**Pendapat**

Saya telah memberikan kuasa kepada firma audit swasta di bawah subseksyen 7(3) Akta Audit 1957 [Akta 62] untuk mengaudit Penyata Kewangan Kumpulan Wang Industri Elektrik. Penyata kewangan tersebut merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2023 Kumpulan Wang Industri Elektrik dan Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih/Ekuiti, Penyata Aliran Tunai serta Penyata Prestasi Bajet bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut dan nota kepada penyata kewangan termasuklah ringkasan polisi perakaunan yang signifikan seperti yang dinyatakan pada muka surat 1 hingga 35.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kumpulan Wang Industri Elektrik pada 31 Disember 2023 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan keperluan Akta Bekalan Elektrik 1990 [Akta 447].

**Asas Kepada Pendapat**

Pengauditan telah dilaksanakan berdasarkan Akta Audit 1957 dan International Standards of Supreme Audit Institutions. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam sijil ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

*Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain*

Saya adalah bebas daripada Kumpulan Wang Industri Elektrik dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan International Standards of Supreme Audit Institutions.

### **Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit Mengenainya**

Anggota Suruhanjaya Tenaga, Kumpulan Wang Industri Elektrik bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap Penyata Kewangan Kumpulan Wang Industri Elektrik tidak meliputi maklumat lain selain daripada penyata kewangan dan Sijil Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

### **Tanggungjawab Anggota Suruhanjaya Tenaga Terhadap Penyata Kewangan**

Anggota Suruhanjaya Tenaga bertanggungjawab terhadap penyediaan Penyata Kewangan Kumpulan Wang Industri Elektrik yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan keperluan Akta Bekalan Elektrik 1990 [Akta 447]. Anggota Suruhanjaya Tenaga juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan Penyata Kewangan Kumpulan Wang Industri Elektrik yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan Penyata Kewangan Kumpulan Wang Industri Elektrik, Anggota Suruhanjaya Tenaga bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Kumpulan Wang Industri Elektrik untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakan sebagai asas perakaunan.

### **Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan**

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada Penyata Kewangan Kumpulan Wang Industri Elektrik secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Sijil Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.


Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

- a. mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam Penyata Kewangan Kumpulan Wang Industri Elektrik, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatas i kawalan dalaman;
- b. memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Kumpulan Wang Industri Elektrik;
- c. menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai, kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Anggota Suruhanjaya Tenaga;
- d. membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Anggota Suruhanjaya Tenaga dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Kumpulan Wang Industri Elektrik sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Sijil Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam Penyata Kewangan Kumpulan Wang Industri Elektrik atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Sijil Juruaudit. Bagaimanapun, peristiwa atau keadaan pada masa hadapan berkemungkinan menyebabkan Kumpulan Wang Industri Elektrik tidak lagi berupaya meneruskan operasi secara usaha berterusan; dan
- e. menilai persempahan secara keseluruhan, struktur dan kandungan Penyata Kewangan Kumpulan Wang Industri Elektrik, termasuk pendedahannya, dan sama ada penyata kewangan tersebut telah melaporkan asas-asas urus niaga dan peristiwa-peristiwa yang memberikan gambaran saksama.

Anggota Suruhanjaya Tenaga telah dimaklumkan, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditan.

## **Hal-hal Lain**

Sijil ini dibuat untuk Anggota Suruhanjaya Tenaga, Kumpulan Wang Industri Elektrik berdasarkan keperluan Akta Bekalan Elektrik 1990 [Akta 447] dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan sijil ini.



(DATUK WAN SURAYA BINTI WAN MOHD RADZI)  
KETUA AUDIT NEGARA  
MALAYSIA

PUTRAJAYA  
**22** OGOS 2024



## **PENYATA PENGERUSI DAN SEORANG ANGGOTA SURUHANJAYA TENAGA**

Kami Mohammed Rashdan Bin Mohd Yusof dan Dato' Ir. Ts. Abdul Razib Bin Dawood yang merupakan Pengurus dan salah seorang Anggota Suruhanjaya Tenaga dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Anggota Suruhanjaya Tenaga, Penyata Kewangan yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih/Ekuiti, Penyata Aliran Tunai dan Penyata Prestasi Bajet Kumpulan Wang Industri Elektrik yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan Kumpulan Wang Industri Elektrik pada 31 Disember 2023 dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi Pihak Anggota,



.....  
Mohammed Rashdan Bin Mohd Yusof  
Pengerusi

Tarikh: **25 JUL 2024**

Tempat: Suruhanjaya Tenaga  
Presint 2, Putrajaya

Bagi Pihak Anggota,



.....  
Dato' Ir. Ts. Abdul Razib bin Dawood  
Ketua Pegawai Eksekutif

Tarikh: **25 JUL 2024**

Tempat: Suruhanjaya Tenaga  
Presint 2, Putrajaya

**PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB  
KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN  
KUMPULAN WANG INDUSTRI ELEKTRIK**

Saya, Marlinda Binti Mohd Rosli, Pengarah Jabatan Kawal Selia Ekonomi yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan Kumpulan Wang Industri Elektrik, dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih/Ekuiti, Penyata Aliran Tunai dan Penyata Prestasi Bajet Kumpulan Wang Industri Elektrik dalam kedudukan kewangan yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya )  
diakui oleh penama di atas )  
di ... **KUALA LUMPUR**  
**WILAYAH PERSEKUTUAN**..... )  
pada..... )

**25 JUL 2024**

Di hadapan saya,



NO.23A-3, BLOCK A  
PLATINUM WALK, JALAN LANGKAWI  
53300 SETAPAK  
KUALA LUMPUR

# KUMPULAN WANG INDUSTRI ELEKTRIK

Ditubuhkan di bawah keperluan Akta Bekalan Elektrik 1990 [AKTA 447]

## PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PADA 31 DISEMBER 2023

	Nota	2023		2022	
		RM		(Dinyatakan semula)	RM
<b>Aset Bukan Semasa</b>					
Kerja Dalam Pembangunan	5		98,103		89,928
Aset Tak Ketara	6		460,165		605,481
<b>Jumlah Aset Bukan Semasa</b>			<b>558,268</b>		<b>695,409</b>
 <b>Aset Semasa</b>					
Faedah Belum Terima	7		6,526,163		1,689,957
Tunai dan Kesetaraan Tunai	8		352,617,492		141,660,468
Pelaburan Jangka Pendek	9		446,695,000		429,928,000
Penghutang	10		543,368,530		350,862,431
Cukai Terdahulu	11		-		20,152,235
<b>Jumlah Aset Semasa</b>			<b>1,349,207,185</b>		<b>944,293,091</b>
<b>Jumlah Aset</b>			<b>1,349,765,453</b>		<b>944,988,500</b>
 <b>Liabiliti Semasa</b>					
Pemiutang	12		-		705,074
Pelbagai Pemiutang dan Perbelanjaan Terakru	13		126,231		419,243
Peruntukan Cukai			6,681,845		7,528,927
<b>Jumlah Liabiliti</b>			<b>6,808,076</b>		<b>8,653,244</b>
<b>ASET BERSIH</b>			<b>1,342,957,377</b>		<b>936,335,256</b>
 <b>Aset Bersih:</b>					
Lebihan Terkumpul			885,642,079		498,287,098
Rizab	14		457,315,298		438,048,158
<b>ASET BERSIH</b>			<b>1,342,957,377</b>		<b>936,335,256</b>

Nota-nota yang disertakan dari muka surat 7 hingga 35 merupakan sebahagian asasi penyata kewangan ini.

# KUMPULAN WANG INDUSTRI ELEKTRIK

Ditubuhkan di bawah keperluan Akta Bekalan Elektrik 1990 [AKTA 447]

## PENYATA PRESTASI KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

Nota	2023	2022 (Dinyatakan semula)
	RM	RM
<b>Pendapatan</b>		
<b>Hasil Daripada Urus Niaga</b>		
<b>Bukan Pertukaran</b>		
Terimaan	15	350,862,431
		391,029,038
<b>Hasil Daripada Urus Niaga</b>		
<b>Pertukaran</b>		
Pendapatan Faedah	16	25,371,592
		22,511,484
	<b>413,540,522</b>	<b>376,234,023</b>
<b>Perbelanjaan</b>		
Rebat/Surcaj <i>Imbalance Cost Pass-Through</i> (ICPT)	17	(1,007,800,637)
Kos Pentadbiran dan Caj Bank	18	(105,196)
Pelunasan Aset Tak Ketara	6	(121,096)
		(91,240)
		(145,316)
		(236,556)
		(1,008,026,929)
<b>LEBIHAN/(KURANGAN)</b>		
<b>SEBELUM CUKAI</b>		
Cukai	19	(7,529,127)
		(6,681,845)
<b>LEBIHAN/(KURANGAN) SELEPAS</b>		
<b>CUKAI</b>	20	<b>(631,792,906)</b>
		<b>406,622,121</b>
		<b>(639,322,033)</b>

Nota-nota yang disertakan dari muka surat 7 hingga 35 merupakan sebahagian asasi penyata kewangan ini.

# KUMPULAN WANG INDUSTRI ELEKTRIK

Ditubuhkan di bawah keperluan Akta Bekalan Elektrik 1990 [AKTA 447]

## PENYATA PERUBAHAN ASET BERSIH/EKUITI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

	Lebihan Terkumpul RM	Rizab RM	Jumlah RM
Baki pada 1 Januari 2022	1,575,657,289	-	1,575,657,289
Pindahan ke akaun Rizab	(436,948,601)	436,948,601	-
Kurangan Pendapatan Sebelum Cukai	(633,356,451)	1,563,545	(631,792,906)
Cukai Tahun Semasa	(7,065,139)	(463,988)	(7,529,127)
<b>Baki pada 31 Disember 2022/ 1 Januari 2023</b>	<b>498,287,098</b>	<b>438,048,158</b>	<b>936,335,256</b>
Pindahan ke akaun Rizab	(7,820,167)	7,820,167	-
Lebihan Pendapatan Sebelum Cukai	397,025,097	16,278,869	413,303,966
Cukai tahun semasa	(1,849,949)	(4,831,896)	(6,681,845)
<b>Baki pada 31 Disember 2023</b>	<b>885,642,079</b>	<b>457,315,298</b>	<b>1,342,957,377</b>

Nota-nota yang disertakan dari muka surat 7 hingga 35 merupakan sebahagian asasi penyata kewangan ini.

# KUMPULAN WANG INDUSTRI ELEKTRIK

Ditubuhkan di bawah keperluan Akta Bekalan Elektrik 1990 [AKTA 447]

## PENYATA ALIRAN TUNAI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

	Nota	2023 RM	2022 RM
<b>Aliran tunai daripada aktiviti operasi</b>			
Lebihan/(Kurangan) sebelum cukai		413,303,966	(631,792,906)
Pelarasan bagi:			
Pendapatan Faedah	16	(22,511,484)	(25,371,592)
Pelunasan Aset Tak Ketara	6	145,316	121,096
<b>Lebihan/(Kurangan) sebelum perubahan modal kerja</b>		<b>390,937,798</b>	<b>(657,043,402)</b>
Perubahan dalam modal kerja:			
(Peningkatan)/Pengurangan Penghutang		(192,506,099)	(341,609,028)
Pengurangan Pembiutang dan			
Pelbagai Pembiutang dan Perbelanjaan Terakru		(998,086)	(250,911,181)
<b>Tunai dihasilkan/(digunakan) dalam aktiviti operasi</b>			
Cukai dibayar		197,433,613	(1,249,563,611)
Cukai diterima		(7,528,927)	(11,121,651)
		20,152,235	-
<b>Tunai bersih dihasilkan/(digunakan) dalam aktiviti operasi</b>		<b>210,056,921</b>	<b>(1,260,685,262)</b>
<b>Aliran tunai daripada aktiviti pelaburan</b>			
Faedah Diterima		17,675,278	31,019,998
(Peningkatan)/Pengurangan Kerja Dalam			
Pembangunan	5	(8,175)	43,584
Pembelian Aset Tak Ketara	6	-	(726,577)
(Peningkatan)/Pengurangan Pelaburan Jangka Pendek	9	(16,767,000)	1,193,236,000
<b>Tunai bersih dihasilkan daripada aktiviti pelaburan</b>		<b>900,103</b>	<b>1,223,573,005</b>
<b>Peningkatan/(Pengurangan) bersih tunai dan kesetaraan tunai</b>			
<b>Tunai dan kesetaraan tunai pada awal tahun</b>		210,957,024	(37,112,257)
<b>Tunai dan kesetaraan tunai pada akhir tahun</b>		141,660,468	178,772,725
		<b>352,617,492</b>	<b>141,660,468</b>

Nota-nota yang disertakan dari muka surat 7 hingga 35 merupakan sebahagian asasi penyata kewangan ini.

# KUMPULAN WANG INDUSTRI ELEKTRIK

Ditubuhkan di bawah keperluan Akta Bekalan Elektrik 1990 [AKTA 447]

## PENYATA ALIRAN TUNAI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023 (SAMBUNGAN)

Nota	2023 RM	2022 RM
<b>Tunai dan kesetaraan tunai terdiri daripada:</b>		
Akaun Mengurus:		
Tunai dan Baki di Bank	8	861,447
Deposit di Bank		351,742,000
<b>Tunai dan Kesetaraan Tunai Akaun Mengurus</b>	<b>352,603,447</b>	<b>141,634,774</b>
 Akaun Rizab:		
Tunai dan Baki di Bank	8	14,045
<b>Tunai dan Kesetaraan Tunai Akaun Rizab</b>	<b>14,045</b>	<b>25,694</b>
<b>Tunai dan Kesetaraan Tunai</b>	<b>352,617,492</b>	<b>141,660,468</b>

Nota-nota yang disertakan dari muka surat 7 hingga 35 merupakan sebahagian asasi penyata kewangan ini.

# KUMPULAN WANG INDUSTRI ELEKTRIK

Ditubuhkan di bawah keperluan Akta Bekalan Elektrik 1990 [AKTA 447]

## PENYATA PRESTASI BAJET BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

	Jumlah Bajet RM	Jumlah Sebenar RM	^Varian Bajet RM
<b>Penerimaan</b>			
Terimaan	743,380,000	391,029,038	352,350,962
Pendapatan Faedah	22,515,000	22,511,484	3,516
	<b>765,895,000</b>	<b>413,540,522</b>	<b>352,354,478</b>
<b>Pembayaran</b>			
Kos Pentadbiran dan Caj Bank	131,900	91,240	40,660
Cukai Tahun Semasa	6,682,000	6,681,845	155
	<b>6,813,900</b>	<b>6,773,085</b>	<b>40,815</b>
<b>PENGGUNAAN BERSIH</b>	<b>759,081,100</b>	<b>406,767,437</b>	<b>352,313,663</b>

<sup>^</sup>Varian Bajet merujuk kepada varian di antara Jumlah Bajet dan Jumlah Sebenar.

Nota-nota yang disertakan dari muka surat 7 hingga 35 merupakan sebahagian asasi penyata kewangan ini.

# KUMPULAN WANG INDUSTRI ELEKTRIK

Ditubuhkan di bawah keperluan Akta Bekalan Elektrik 1990 [AKTA 447]

## NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

### 1. MAKLUMAT AM

Suruhanjaya Tenaga merupakan agensi pengawal selia tunggal bagi pengawal seliaan dan pembangunan sektor tenaga. Suruhanjaya Tenaga mempunyai tanggungjawab langsung bagi menyelia dan mengawasi kegiatan penjanaan tenaga termasuk mengawal selia setiap individu yang berlesen bawah Akta Suruhanjaya Tenaga 2001 dan Akta Bekalan Elektrik 1990.

Di bawah peruntukan subseksyen 26(1) Akta Bekalan Elektrik 1990 menyatakan bahawa "Suruhanjaya boleh menentukan tarif dan caj untuk dilevikan, dengan kelulusan Menteri, oleh seseorang pemegang lesen." Berdasarkan kepada peruntukan undang-undang tersebut, Suruhanjaya Tenaga dengan kelulusan Kerajaan telah mula melaksanakan kerangka kerja kawal selia berdasarkan insentif (*Incentive-Based Regulation Framework – IBR*) bagi penetapan dan pelarasan tarif elektrik Tenaga Nasional Berhad (TNB) pada setiap tempoh kawal selia (regulatori) seperti berikut:

- Regulatori Pertama (RP1) – Tahun 2015 hingga 2017
- Regulatori Kedua (RP2) – Tahun 2018 hingga 2021
- Regulatori Ketiga (RP3) – Tahun 2022 hingga 2024

Di bawah IBR, tarif elektrik mempunyai dua komponen utama, iaitu tarif asas yang tidak berubah dalam tempoh kawal selia IBR dan *Imbalance Cost Pass-Through* (ICPT) dalam bentuk rebat atau pun surcaj dalam tarif pengguna yang dilaksanakan pada setiap enam (6) bulan. ICPT adalah untuk melepaskan apa-apa kos tak berimbang (*imbalance cost*), iaitu perbezaan di antara kos sebenar bahan api serta kos lain penjanaan yang didapati munasabah dan di luar kawalan TNB dengan kos unjuran yang diguna pakai dalam penetapan tarif asas bagi tempoh 6 bulan sebelumnya.

# **KUMPULAN WANG INDUSTRI ELEKTRIK**

**Ditubuhkan di bawah keperluan Akta Bekalan Elektrik 1990 [AKTA 447]**

## **2. KUMPULAN WANG INDUSTRI ELEKTRIK**

Kumpulan Wang Industri Elektrik (KWIE) ditadbir urus sepenuhnya oleh Suruhanjaya Tenaga yang beroperasi di No.12, Jalan Tun Hussein, Presint 2, 62100 Putrajaya.

KWIE telah ditubuhkan melalui Akta Bekalan Elektrik 1990 [Akta 447] (ABE), yang dipinda dan dikuatkuasa pada 1 Januari 2016 bagi tujuan menguruskan impak tarif elektrik kepada pengguna serta apa-apa maksud lain yang berkaitan dengan industri elektrik sebagaimana yang disifatkan perlu oleh Suruhanjaya Tenaga. KWIE beroperasi sepenuhnya pada tahun 2017.

Penyata Kewangan ini telah dibentang dan diluluskan oleh Anggota Suruhanjaya Tenaga pada 23 Januari 2024.

Penyata Kewangan KWIE dibentangkan dalam Ringgit Malaysia (RM).

## **3. ASAS PENYEDIAAN**

### **a) Keterangan Pematuhan**

Penyata kewangan Kumpulan Wang Industri Elektrik yang disediakan berdasarkan kepada Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia – “Malaysian Public Sector Accounting Standard” (MPSAS) yang diluluskan oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM).

### **b) Asas Pengukuran**

Penyata Kewangan telah disediakan berdasarkan konvensyen kos sejarah dan amalan perakaunan yang diterima umum di Malaysia.

### **c) Asas Perakaunan**

Pada 1 Januari 2020, KWIE telah memilih untuk menerima pakai MPSAS bagi pelaporan penyata kewangan bermula tahun 2020. MPSAS yang diterima pakai adalah seperti berikut:- bermula tahun 2020. MPSAS yang diterima pakai adalah seperti berikut:-

# KUMPULAN WANG INDUSTRI ELEKTRIK

Ditubuhkan di bawah keperluan Akta Bekalan Elektrik 1990 [AKTA 447]

c) **Asas Perakaunan (sambungan)**

MPSAS 1	Pembentangan Penyata Kewangan
MPSAS 2	Penyata Aliran Tunai
MPSAS 3	Polisi Perakaunan, Perubahan dalam Anggaran Perakaunan dan Kesilapan
MPSAS 9	Hasil daripada Urusniaga Pertukaran
MPSAS 14	Peristiwa Selepas Tarikh Pelaporan
MPSAS 19	Peruntukan, Liabiliti Luar Jangka dan Aset Luar Jangka
MPSAS 20	Pendedahan Pihak Berkaitan
MPSAS 21	Penjejasan Nilai Aset Tidak Menjana Tunai
MPSAS 22	Pendedahan Maklumat Kewangan
MPSAS 23	Hasil daripada Urusniaga Bukan Pertukaran (Cukai dan Pindahan)
MPSAS 24	Persembahan Maklumat Bajet dalam Penyata Kewangan
MPSAS 26	Penjejasan Nilai Aset Menjana Tunai
MPSAS 28	Instrumen Kewangan: Pembentangan
MPSAS 29	Instrumen Kewangan: Pengiktirafan dan Pengukuran
MPSAS 30	Instrumen Kewangan: Pendedahan
MPSAS 31	Aset Tak Ketara
MPSAS 33	Pemakaian Kali Pertama MPSAS Asas Akruan
MPSAS 38	Pendedahan Kepentingan di dalam Entiti Lain

d) **Anggaran Dan Pertimbangan Perakaunan Signifikan**

Penyediaan Penyata Kewangan mengikut MPSAS memerlukan pengurusan untuk membuat pertimbangan anggaran dan andaian yang mempengaruhi pemakaian polisi perakaunan dan laporan amaun aset, liabiliti, pendapatan dan perbelanjaan.

Walaupun pertimbangan, anggaran dan andaian adalah berdasarkan kepada pengetahuan dan tindakan semasa pihak pengurusan yang terbaik, keputusan sebenar mungkin berbeza. Anggaran dan andaian disemak atas dasar berterusan.

Semakan anggaran perakaunan, sekiranya ada akan diiktiraf dalam tempoh di mana anggaran disemak dan dalam mana-mana tempoh hadapan yang berkenaan.

# **KUMPULAN WANG INDUSTRI ELEKTRIK**

**Ditubuhkan di bawah keperluan Akta Bekalan Elektrik 1990 [AKTA 447]**

## **4. POLISI PERAKAUNAN**

### **a) Kerja Dalam Pembangunan**

Kerja dalam pembangunan merupakan pembangunan Sistem Kewangan KWIE (*Standard Accounting System For Government Agencies - SAGA*) yang belum siap dibangunkan dan dinyatakan pada kos. Kos adalah termasuk perbelanjaan yang berkait terus dengan perolehan dan pembangunan sistem.

Kerja dalam pembangunan akan dipermodalkan sebagai aset tak ketara selepas ianya selesai dibangunkan.

### **b) Aset Tak Ketara**

Aset tak ketara terdiri daripada Sistem Kewangan KWIE (SAGA) yang siap dibangunkan, boleh digunakan dan dinyatakan pada kos. Kos adalah termasuk perbelanjaan yang berkait terus dengan perolehan sistem.

Semua kos pembinaan dan penyelenggaraan akan diiktiraf sebagai perbelanjaan dan dikira dalam Penyata Prestasi Kewangan dalam tempoh kewangan ianya ditanggung.

Tempoh jangka hayat aset tak ketara ditentukan selama lima (5) tahun. Pelunasan aset tak ketara menggunakan kaedah garis lurus sepanjang anggaran hayat usia guna aset.

Keuntungan atau kerugian atas nyahiktiraf aset tak ketara adalah ditentukan dengan membandingkan nilai pelupusan bersih dengan nilai dibawa aset dimana perbezaanya akan diambil kira sebagai keuntungan atau kerugian di dalam Penyata Prestasi Kewangan.

### **c) Aset Kewangan**

Aset kewangan diiktiraf dalam Penyata Kedudukan Kewangan apabila KWIE menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen.

# KUMPULAN WANG INDUSTRI ELEKTRIK

Ditubuhkan di bawah keperluan Akta Bekalan Elektrik 1990 [AKTA 447]

## c) Aset Kewangan (sambungan)

Pada pengiktirafan awal, aset kewangan adalah diukur pada nilai saksama, termasuk kos urus niaga untuk aset kewangan yang tidak diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kurangan, yang terlibat secara langsung di dalam menerbit aset kewangan.

Selepas pengiktirafan awal, aset kewangan akan dikelaskan kepada salah satu daripada empat kategori aset kewangan iaitu pinjaman dan belum terima, pelaburan dipegang hingga matang, aset kewangan diukur pada nilai saksama melalui lebihan atau kurangan, dan aset kewangan sedia untuk dijual.

Pembelian atau penjualan aset kewangan yang memerlukan penyerahan aset dalam tempoh masa yang ditetapkan oleh peraturan atau konvensyen di dalam pasaran akan diiktiraf pada tarikh urus niaga itu dibuat, iaitu tarikh di mana KWIE membuat komitmen untuk membeli atau menjual aset tersebut.

### i) Kategori Aset Kewangan

KWIE hanya mempunyai kategori aset kewangan seperti berikut:

#### a) Pinjaman dan Belum Terima

Pinjaman dan belum terima adalah aset kewangan bukan derivatif dengan bayaran tetap atau boleh ditentukan yang tidak disebut harga dalam pasaran aktif. Selepas pengukuran awal, aset kewangan tersebut kemudian diukur pada kos yang dilunaskan menggunakan kaedah berkesan atau ditolak rosotnilai.

Kos dilunaskan dikira dengan mengambil kira apa-apa diskaun atau premium atas pembelian aset tersebut serta yuran atau kos yang merupakan sebahagian daripada kadar faedah berkesan. Kerugian yang timbul daripada kemerosotan nilai diiktiraf dalam lebihan atau kurangan.

# **KUMPULAN WANG INDUSTRI ELEKTRIK**

**Ditubuhkan di bawah keperluan Akta Bekalan Elektrik 1990 [AKTA 447]**

**c) Aset Kewangan (sambungan)**

- i) Kategori Aset Kewangan
- b) Pelaburan Dipegang Hingga Matang

Aset kewangan bukan derivatif dengan tempoh matang pembayaran tetap atau boleh ditentukan dan tetap diklasifikasikan sebagai dipegang untuk matang apabila KWIE mempunyai niat positif dan keupayaan untuk memegang sehingga matang. Selepas pengukuran awal, dipegang sehingga matang pelaburan diukur pada kos yang dilunaskan menggunakan kaedah faedah berkesan atau ditolak rosot nilai.

Kos pelunasan dikira dengan mengambil kira apa-apa diskaun atau premium atas pengambilalihan dan yuran atau kos yang merupakan sebahagian daripada kaedah efektif. Kerugian yang timbul daripada kemerosotan nilai diiktiraf dalam Penyata Prestasi Kewangan.

c) Aset Kewangan Pada Nilai Saksama Melalui Lebihan atau Kurangan

Pada tarikh pengambilalihan atau pada tarikh akhir tempoh laporan yang berikutnya, keseluruhan instrumen tersebut ditetapkan pada Nilai Saksama Melalui Lebihan atau Kurangan. Walau bagaimanapun, jika keseluruhan instrumen tidak boleh dinilai dengan yakin, instrumen tersebut dinyatakan pada nilai kos selepas ditolak rosot nilai.

ii) Rosot Nilai Aset Kewangan

Pada akhir setiap tempoh pelaporan, KWIE akan menilai sama ada terdapat sebarang bukti objektif bahawa aset kewangan perlu untuk dirosot nilai.

Bagi kategori aset kewangan yang diukur pada kos dilunaskan, jika tiada bukti objektif wujud bagi individu yang ketara, maka semua aset dalam KWIE yang mempunyai ciri-ciri risiko yang serupa tidak kira sama ada ia ketara atau tidak, akan dinilai secara kolektif untuk menentukan sama ada ia perlu dibuat rosot nilai.

# KUMPULAN WANG INDUSTRI ELEKTRIK

Ditubuhkan di bawah keperluan Akta Bekalan Elektrik 1990 [AKTA 447]

## c) Aset Kewangan (sambungan)

### ii) Rosot Nilai Aset Kewangan

Kerugian rosot nilai, berhubung dengan aset kewangan yang diukur pada kos dilunaskan, diukur sebagai perbezaan di antara nilai dibawa aset berkenaan dan nilai semasa anggaran aliran tunai yang didiskaunkan pada kadar faedah berkesan yang asal. Nilai dibawa aset tersebut akan dikurangkan melalui penggunaan akaun elauan. Sebarang kerugian rosot nilai diiktiraf dalam lebihan atau kurangan dengan serta-merta. Jika, dalam tempoh kemudianya, sebarang amaun kerugian rosot nilai menurun, kerugian rosot nilai yang diiktiraf sebelumnya akan dibalikkan secara langsung dalam akaun elauan. Pembalikan ini diiktiraf dalam lebihan atau kurangan dengan serta-merta.

### iii) Penyahiktirafan Aset Kewangan

Aset kewangan dinyahiktiraf apabila hak kontrak untuk aliran tunai daripada aset kewangan tersebut tamat tempoh atau diselesaikan serta Majlis telah memindahkan risiko dan ganjaran pemilikan aset kewangan yang ketara kepada pihak lain.

Pada penyahiktirafan aset kewangan secara keseluruhannya, perbezaan di antara nilai dibawa dan jumlah pertimbangan diterima diiktiraf dalam lebihan atau kurangan dalam tempoh penyahiktirafan.

## d) Liabiliti Kewangan

Liabiliti kewangan diiktiraf dalam Penyata Kedudukan Kewangan apabila KWIE menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen.

Pada pengiktirafan awal, liabiliti kewangan adalah diukur pada nilai saksama, termasuk kos urusniaga untuk liabiliti kewangan yang tidak diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kurangan, yang terlibat secara langsung di dalam mengisu liabiliti kewangan.

# KUMPULAN WANG INDUSTRI ELEKTRIK

Ditubuhkan di bawah keperluan Akta Bekalan Elektrik 1990 [AKTA 447]

## d) Liabiliti Kewangan (sambungan)

Selepas pengiktirafan awal, liabiliti kewangan dikelaskan kepada salah satu daripada dua kategori liabiliti kewangan iaitu liabiliti kewangan diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kurangan dan pinjaman belum bayar.

### i) Kategori Liabiliti Kewangan

KWIE hanya mempunyai kategori liabiliti kewangan berikut:

#### Pinjaman dan Belum Bayar

Selepas pengiktirafan awal, pinjaman dan belum bayar adalah diukur pada kos dilunaskan menggunakan kaedah faedah berkesan. Keuntungan atau kerugian diiktiraf di dalam lebihan atau kurangan apabila liabiliti kewangan dinyahiktiraf atau dirosot nilai.

Kaedah faedah berkesan adalah kaedah untuk mengira kos dilunaskan liabiliti kewangan dan untuk memperuntukan perbelanjaan faedah ke atas tempoh yang berkaitan. Kadar faedah berkesan adalah kadar diskau anggaran pembayaran tunai masa depan yang tepat menerusi jangka hayat liabiliti kewangan atau, apabila sesuai, tempoh yang lebih singkat, dengan nilai dibawa liabiliti kewangan tersebut.

### ii) Penyahiktirafan Liabiliti Kewangan

Liabiliti kewangan dinyahiktiraf apabila obligasi yang dinyatakan dalam kontrak telah dilepaskan, dibatalkan atau tamat hayat.

Sebarang perbezaan di antara nilai dibawa liabiliti kewangan yang dinyahiktiraf dan pertimbangan dibayar adalah diiktiraf di dalam lebihan atau kurangan dalam tempoh penyahiktirafan.

# KUMPULAN WANG INDUSTRI ELEKTRIK

Ditubuhkan di bawah keperluan Akta Bekalan Elektrik 1990 [AKTA 447]

**e) Tunai dan Kesetaraan Tunai**

Tunai dan kesetaraan tunai merangkumi tunai di tangan, bank dan deposit di bank dan institusi kewangan lain yang mempunyai kecairan tinggi dengan tempoh matang tiga (3) bulan dan kurang dari tarikh pembelian dan sedia ditukar dalam bentuk tunai dengan risiko perubahan nilai yang rendah.

Penyata Aliran Tunai disediakan menggunakan kaedah secara tidak langsung.

**f) Pelaburan Jangka Pendek**

Pelaburan jangka pendek (PJP) merupakan deposit di bank dan institusi kewangan lain serta mempunyai kecairan tinggi dengan tempoh matang lebih tiga (3) bulan dan sehingga setahun dari tarikh pembelian dan sedia ditukar dalam bentuk tunai dengan risiko perubahan nilai yang rendah.

**g) Penghutang**

Penghutang dinyatakan pada kos dan ditolak dengan peruntukan hutang ragu, jika ada.

**h) Pemiuatang**

Pemiuatang dan pelbagai pemiuatang dan perbelanjaan terakru dinyatakan pada nilai saksama bayaran yang perlu dibayar untuk barang dan perkhidmatan yang telah diterima.

**i) Rizab**

Rizab diwujudkan dengan kelulusan Suruhanjaya Tenaga Bilangan 4 Tahun 2021 pada 8 April 2021 bertujuan untuk memastikan kedudukan dana KWIE yang mampan dengan dana awal rizab sebanyak RM400 juta diperoleh daripada lebihan dana terkumpul. Dalam masa yang sama, peruntukan tambahan 2% daripada pendapatan yang diterima (tidak termasuk pendapatan faedah) bagi tahun-tahun berikutnya mulai tahun 2021 turut dipindahkan ke dalam Akaun Rizab sebagai sebahagian daripada rizab tambahan setelah dana berkenaan diterima dan disalurkan ke dalam dana KWIE.

## **KUMPULAN WANG INDUSTRI ELEKTRIK**

**Ditubuhkan di bawah keperluan Akta Bekalan Elektrik 1990 [AKTA 447]**

**i) Rizab (sambungan)**

Lebihan pendapatan bersih Akaun Rizab merupakan pendapatan faedah yang dijana daripada pelaburan rizab, yang diperoleh pada tahun semasa, yang akan ditolak dengan cukai kena bayar ke atas pendapatan boleh cukai dan caj bank.

Akaun Rizab ditempatkan di dalam tunai dan kesetaraan tunai dan pelaburan jangka pendek untuk menjana pendapatan faedah yang direkod dalam Penyata Kedudukan Kewangan dan Penyata Prestasi Kewangan.

**j) Rosot Nilai**

Nilai bawaan bagi aset-aset KWIE dan aset kewangan disemak semula pada setiap tarikh penyata kedudukan kewangan untuk menentukan sama ada terdapat sebarang petunjuk adanya rosot nilai. Jika petunjuk tersebut wujud, nilai boleh pulih akan dianggarkan. Kerugian rosot nilai akan diiktiraf dalam penyata pendapatan melainkan jika nilai bawaan aset tersebut telah dinilaikan semula, di mana ianya dikenakan ke rizab. Kerugian rosot nilai diiktiraf apabila nilai bawaan bagi aset atau aset yang dippunyai oleh unit menjana tunai melebihi nilai boleh pulihnya.

Amaun boleh pulih adalah nilai yang lebih tinggi antara harga jualan bersih harta tersebut dan nilai sedang digunakan. Dalam menentukan nilai gunaan, anggaran aliran tunai masa hadapan didiskaunkan kepada nilai semasa menggunakan kadar diskau sebelum cukai yang menggambarkan nilai pasaran semasa bagi nilai masa wang dan risiko-risiko khusus atas harta tersebut. Bagi aset yang tidak menghasilkan sebahagian besar aliran tunainya secara tersendiri, amaun yang boleh diperolehi ditentukan untuk aset yang dippunyai oleh unit menjana tunai untuk aset berkenaan.

Bagi aset-aset yang lain, kerugian rosot nilai akan diambil kira semula apabila terdapat perubahan dalam anggaran yang digunakan untuk menentukan amaun boleh pulih.

# KUMPULAN WANG INDUSTRI ELEKTRIK

Ditubuhkan di bawah keperluan Akta Bekalan Elektrik 1990 [AKTA 447]

## j) Rosot Nilai (sambungan)

Kerugian rosot nilai hanya akan dikira semula ke tahap nilai bawaan aset tersebut tidak melebihi nilai bawaan asal, setelah ditolak susut nilai, seolah-olah kerugian rosot nilai tidak pernah dikenakan. Kiraan semula tersebut akan direkodkan dalam Penyata Prestasi Kewangan, melainkan jika kiraan semula tersebut dikenakan kepada aset yang dinilaikan semula, ianya akan dikenakan ke ekuiti.

## k) Percukaian

Cukai pendapatan ke atas lebihan atau defisit bagi tahun berkenaan ialah cukai semasa. Cukai semasa ialah amaun cukai pendapatan dijangka yang perlu dibayar atas lebihan boleh cukai bagi tahun berkenaan dan diukur dengan menggunakan kadar cukai yang digunakan pada tarikh Penyata Kedudukan Kewangan.

Perbelanjaan cukai semasa adalah bayaran cukai yang dijangkakan ke atas pendapatan yang boleh dikenakan cukai bagi tahun semasa, dengan menggunakan kadar cukai yang diwartakan atau sebahagian besarnya diwartakan pada tarikh Penyata Kedudukan Kewangan, dan sebarang perubahan pada bayaran cukai untuk tahun terdahulu.

KWIE telah diberikan pelanjutan tempoh pengecualian cukai ke atas semua pendapatan berkanun untuk tempoh tiga (3) tahun mulai tahun taksiran 2022 hingga tahun taksiran 2024. Walau bagaimanapun, pendapatan-pendapatan lain yang diterima oleh KWIE adalah tertakluk kepada cukai pendapatan.

## l) Pengiktirafan Pendapatan dan Perbelanjaan

### i) Pengiktirafan Pendapatan

#### Terimaan

Terimaan merupakan pendapatan urusniaga bukan pertukaran yang diiktiraf mengikut asas akruan apabila hak yang diluluskan untuk terimaan disahkan dan diterima pada tahun kewangan.

# KUMPULAN WANG INDUSTRI ELEKTRIK

Ditubuhkan di bawah keperluan Akta Bekalan Elektrik 1990 [AKTA 447]

**I) Pengiktirafan Pendapatan dan Perbelanjaan (sambungan)**

- i) Pengiktirafan Pendapatan

Pendapatan Faedah

Pendapatan faedah merupakan pendapatan urusniaga pertukaran. Pendapatan faedah daripada Short-Term Money Market Deposit (STMMD), simpanan tetap (FD) dan PJP diambil kira mengikut asas akruan.

- ii) Pengiktirafan Perbelanjaan

Perbelanjaan bagi surc妖/rebat ICPT, peruntukan cukai dan kos pentadbiran diambil kira mengikut asas akruan.

**m) Pendedahan Pihak Berkaitan**

Pihak-pihak yang dianggap berkaitan jika satu pihak mempunyai keupayaan untuk mengawal pihak lain atau melaksanakan pengaruh ke atas pihak lain, setakat mana ia menghalang pihak lain dari mengejar kepentingan sendiri yang berasingan dalam membuat keputusan kewangan dan operasi.

**n) Pertimbangan Perakaunan Kritikal Dan Sumber Utama Ketidakpastian Anggaran**

Pertimbangan Perakaunan Kritikal

KWIE berpendapat bahawa tiada pertimbangan perakaunan kritikal dan sumber utama ketidakpastian anggaran yang digunakan ketika menyediakan penyata kewangan selain yang dinyatakan di bawah:

Sumber Utama Ketidakpastian Anggaran

Anggaran utama berkenaan masa hadapan, dan lain-lain sumber utama ketidakpastian anggaran pada tarikh pelaporan, yang mempunyai risiko ketara yang akan menyebabkan pelarasan penting terhadap nilai dibawa aset dan liabiliti di dalam tahun kewangan seterusnya adalah seperti berikut:

# KUMPULAN WANG INDUSTRI ELEKTRIK

Ditubuhkan di bawah keperluan Akta Bekalan Elektrik 1990 [AKTA 447]

**n) Pertimbangan Perakaunan Kritikal Dan Sumber Utama Ketidakpastian Anggaran (sambungan)**

- i) Perubahan Anggaran Jangka Hayat bagi Aset Tak Ketara

Aset tak ketara disusutnilaiakan mengikut kaedah lurus sepanjang jangka hayat aset tersebut. KWIE menganggarkan jangka hayat aset tak ketara dalam tempoh lima (5) tahun. Perubahan dalam anggaran corak penggunaan aset dan pembangunan teknologi boleh memberi kesan kepada jangka hayat dan nilai sisa aset tersebut. Ini akan menyebabkan susutnilai aset pada masa hadapan akan disemak semula.

- ii) Pengukuran Peruntukan

KWIE menggunakan anggaran terbaik sebagai asas untuk mengukur sesuatu peruntukan. Anggaran itu dibuat berdasarkan kepada pengalaman lalu, lain-lain petunjuk atau andaian, perkembangan terkini dan peristiwa masa hadapan yang munasabah dalam menentukan sesuatu peruntukan.

**o) Peruntukan**

Peruntukan merujuk kepada obligasi perundangan atau komitmen konstruktif berpunca daripada peristiwa lampau yang ada kecenderungan berlakunya aliran keluar sumber ekonomi atau potensi perkhidmatan untuk melunaskan obligasi tersebut. Anggaran jumlah aliran keluar tersebut mestilah boleh dibuat dengan objektif.

Peruntukan ini akan dikaji semula pada setiap tarikh Penyata Kedudukan Kewangan dan diselaraskan untuk menggambarkan anggaran semasa yang terbaik. Di mana kesan nilai masa wang adalah material, jumlah peruntukan adalah nilai kini perbelanjaan yang dijangka akan diperlukan untuk menyelesaikan obligasi tersebut.

**p) Maklumat Bajet**

Bajet tahunan merujuk kepada perbelanjaan dan pendapatan dirancang untuk menentukan keperluan KWIE yang didedahkan di dalam satu penyata.

# KUMPULAN WANG INDUSTRI ELEKTRIK

Ditubuhkan di bawah keperluan Akta Bekalan Elektrik 1990 [AKTA 447]

## 5. KERJA DALAM PEMBANGUNAN

	2023 RM	2022 RM
Kerja Dalam Pembangunan	98,103	89,928
<b>JUMLAH</b>	<b>98,103</b>	<b>89,928</b>

Kerja dalam pembangunan di bawah aset tak ketara merupakan kerja pembangunan bagi Sistem Kewangan KWIE (SAGA).

Kerja dalam pembangunan akan dipermodalkan di bawah aset tak ketara setelah ianya sedia untuk digunakan dan berjaya berintegrasi dengan Sistem Digital Suruhanjaya Tenaga yang kini masih dalam proses pembangunan.

## 6. ASET TAK KETARA

Tahun 2023

	Sistem Kewangan RM	Jumlah Aset Tak Ketara RM
<b>Kos</b>		
Pada 1 Januari	726,577	726,577
Tambahan	-	-
<b>Pada 31 Disember</b>	<b>726,577</b>	<b>726,577</b>
 <b>Pelunasan Terkumpul</b>		
Pada 1 Januari	(121,096)	(121,096)
Perbelanjaan Pelunasan	(145,316)	(145,316)
<b>Pada 31 Disember</b>	<b>(266,412)</b>	<b>(266,412)</b>
 <b>Nilai Bersih Aset Tak Ketara</b>		
Pada 1 Januari	605,481	605,481
<b>Pada 31 Disember</b>	<b>460,165</b>	<b>460,165</b>

# KUMPULAN WANG INDUSTRI ELEKTRIK

Ditubuhkan di bawah keperluan Akta Bekalan Elektrik 1990 [AKTA 447]

## 6. ASET TAK KETARA (SAMBUNGAN)

Tahun 2022

	Sistem Kewangan RM	Jumlah Aset Tak Ketara RM
<b>Kos</b>		
Pada 1 Januari	-	-
Tambahan	726,577	726,577
<b>Pada 31 Disember</b>	<b>726,577</b>	<b>726,577</b>
 <b>Pelunasan Terkumpul</b>		
Pada 1 Januari	-	-
Perbelanjaan Pelunasan	(121,096)	(121,096)
<b>Pada 31 Disember</b>	<b>(121,096)</b>	<b>(121,096)</b>
 <b>Nilai Bersih Aset Tak Ketara</b>		
Pada 1 Januari	-	-
<b>Pada 31 Disember</b>	<b>605,481</b>	<b>605,481</b>

## 7. FAEDAH BELUM TERIMA

	2023 RM	2022 RM
Akaun Mengurus	1,968,954	148,753
Akaun Rizab	4,557,209	1,541,204
<b>JUMLAH</b>	<b>6,526,163</b>	<b>1,689,957</b>

Pendapatan faedah belum terima adalah faedah belum matang bagi Akaun Mengurus dan Akaun Rizab yang ditempatkan di akaun STMMD, akaun FD dan akaun PJP berlandaskan patuh syariah yang diambil kira dari tarikh penempatan sehingga tahun kewangan berakhir pada 31 Disember.

# KUMPULAN WANG INDUSTRI ELEKTRIK

Ditubuhkan di bawah keperluan Akta Bekalan Elektrik 1990 [AKTA 447]

## 8. TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI

	2023 RM	2022 RM
<b>Akaun Mengurus</b>		
Baki di Bank	861,447	20,774
Deposit di Bank	351,742,000	141,614,000
Jumlah Akaun Mengurus	<b>352,603,447</b>	141,634,774
<b>Akaun Rizab</b>		
Baki di Bank	14,045	25,694
Jumlah Akaun Rizab	14,045	25,694
<b>JUMLAH</b>	<b>352,617,492</b>	<b>141,660,468</b>

Tunai dan kesetaraan tunai terdiri daripada tunai di tangan, baki di bank dan deposit di bank dengan tempoh kecairan kurang daripada tiga (3) bulan daripada tarikh pemerolehan sama ada di dalam Akaun Mengurus atau Akaun Rizab.

Baki di bank ialah baki yang disimpan di dalam akaun simpanan semasa di CIMB Islamic Bank.

Deposit di bank ialah jumlah bagi simpanan di akaun STMMD dan di akaun FD dengan tempoh matang tiga (3) bulan dan kurang dari tarikh pemerolehan, dan akan dipindahkan ke akaun simpanan semasa pada tarikh matang.

## 9. PELABURAN JANGKA PENDEK

	2023 RM	2022 RM
<b>Akaun Rizab</b>		
Pelaburan Jangka Pendek	446,695,000	429,928,000
<b>JUMLAH</b>	<b>446,695,000</b>	<b>429,928,000</b>

PJP ialah dana dalam akaun simpanan tetap dengan tempoh matang lebih tiga (3) bulan hingga setahun yang ditempatkan di institusi-institusi kewangan yang mendapat kelulusan Kementerian Kewangan (MOF) dan sedia ditukarkan dalam bentuk tunai dalam tempoh dua belas bulan selepas tarikh pelaporan.

## KUMPULAN WANG INDUSTRI ELEKTRIK

Ditubuhkan di bawah keperluan Akta Bekalan Elektrik 1990 [AKTA 447]

### 9. PELABURAN JANGKA PENDEK (SAMBUNGAN)

Pada tahun 2023, PJP bagi dana Akaun Rizab adalah dengan tempoh penempatan sembilan (9) bulan dan 12 bulan dengan tarikh matang di antara 20 Mac 2024 hingga 23 Disember 2024.

PJP di dalam Penyata Aliran Tunai disediakan menggunakan kaedah secara tidak langsung seperti berikut:

	2023 RM	2022 RM
Pada tahun kewangan sebelum	429,928,000	1,623,164,000
Pada tahun kewangan semasa	446,695,000	429,928,000
<b>PERUBAHAN</b>	<b>(16,767,000)</b>	<b>1,193,236,000</b>

### 10. PENGHUTANG

	2023 RM	2022 (Dinyatakan semula) RM
Lebihan kutipan kadar surcaj ICPT di bawah IBR	193,184,578	-
Pelarasan Hasil Tahunan ( <i>Annual Regulatory Adjustment</i> - ARA) TNB	350,183,952	350,183,952
ARA NUR	-	678,479
<b>JUMLAH</b>	<b>543,368,530</b>	<b>350,862,431</b>

Kerajaan melalui Mesyuarat Jemaah Menteri pada 21 Jun 2023 berkenaan pelarasan tarif elektrik bagi tempoh Julai hingga Disember 2023, telah bersetuju supaya lebihan kutipan kadar surcaj ICPT di Semenanjung di bawah TNB bagi tempoh 1 Julai hingga 31 Disember 2023 yang dianggarkan sebanyak RM391 juta dimasukkan ke dalam dana KWIE.

# KUMPULAN WANG INDUSTRI ELEKTRIK

Ditubuhkan di bawah keperluan Akta Bekalan Elektrik 1990 [AKTA 447]

## 10. PENGHUTANG (SAMBUNGAN)

Sehingga akhir tahun 2023, TNB telah memindahkan lebihan kutipan kadar surcaj ICPT bagi bulan Julai, Ogos dan September 2023 sebanyak RM197.82 juta ke dalam dana KWIE, manakala bakinya sebanyak RM193.18 juta, yang berdasarkan kepada amaun yang diluluskan Kerajaan telah diakru pada 31 Disember 2023 dan akan dipindahkan pada awal tahun 2024.

Kerajaan pada 16 Jun 2023 meluluskan ARA NUR bagi tahun 2022 berjumlah RM0.68 juta, dan pada 13 Disember 2023 pula meluluskan ARA TNB berjumlah RM350.18 juta untuk dipulangkan ke dalam dana KWIE yang dinyatakan semula di dalam Penyata Kewangan KWIE bagi tahun 2022.

ARA TNB bagi tahun 2022 berjumlah RM350.18 juta direkod sebagai penghutang pada tahun 2022 dan 2023 apabila ARA berkenaan akan dipindahkan oleh TNB ke dalam KWIE pada awal tahun 2024. Dalam masa yang sama, ARA NUR berjumlah RM0.68 juta yang diluluskan Kerajaan pada 16 Jun 2023 untuk disalurkan ke dalam dana KWIE telah diterima pada akhir tahun 2023.

Penerangan dibaca bersama **Nota 14** dan **Nota 15**.

## 11. CUKAI TERDAHULU

	<b>2023</b> <b>RM</b>	<b>2022</b> <b>RM</b>
Cukai terdahulu	-	20,152,235
<b>JUMLAH</b>	<b>-</b>	<b>20,152,235</b>

KWIE telah diberi pelanjutan tempoh pengecualian cukai ke atas semua pendapatan berkanun untuk tempoh tiga (3) tahun mulai tahun taksiran 2022 hingga tahun taksiran 2024 oleh Kementerian Kewangan Malaysia (MOF). Walau bagaimanapun, pendapatan-pendapatan lain yang diterima oleh KWIE adalah tertakluk kepada cukai pendapatan.

# KUMPULAN WANG INDUSTRI ELEKTRIK

Ditubuhkan di bawah keperluan Akta Bekalan Elektrik 1990 [AKTA 447]

## 11. CUKAI TERDAHULU (SAMBUNGAN)

Cukai terdahulu pada tahun 2022 merupakan bayaran bagi kenaikan di bawah peruntukan subseksyen 107B(3) Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP) berjumlah RM20.15 juta. LHDNM pada 22 Ogos 2022 telah mempertimbang rayuan KWIE dan bersetuju memberikan pengecualian pengenaan cukai KWIE di bawah seksyen 107B(3) ACP serta mengiktiraf bayaran yang dijelaskan sebelum ini berjumlah RM20.15 juta sebagai cukai terdahulu atau 'kredit boleh dibayar balik'. Jumlah ini telah dibayar semula oleh LHDNM kepada dana KWIE pada 15 Mei 2023.

LHDNM pada 22 Ogos 2022 juga bersetuju memberikan pengecualian Skim Ansuran Cukai di bawah pemakaian seksyen 107B(3) ACP, ke atas dana KWIE bagi tahun taksiran yang sama diberikan pengecualian cukai ke atas semua pendapatan berkanun oleh MOF.

Penerangan dibaca bersama **Nota 19**.

## 12. PEMIUTANG

	2023 RM	2022 RM
LAP	-	705,074
<b>JUMLAH</b>	<b>-</b>	<b>705,074</b>

Pemiutang adalah komitmen yang perlu dibayar oleh KWIE yang diiktiraf berdasarkan amaun invois dan amaun anggaran bagi rebat/surcaj ICPT yang belum dituntut pada akhir tahun kewangan. Bayaran bagi komitmen berkenaan akan dijelaskan setelah dokumen tuntutan yang lengkap disahkan dan diterima oleh Unit KWIE.

Selaras dengan keputusan Kerajaan berkenaan pelarasan tarif elektrik bagi tahun 2023, tiada tumpungan kos ICPT menggunakan dana KWIE menyebabkan tiada pemiutang yang direkod bagi tahun 2023.

Penerangan dibaca bersama **Nota 17**.

## KUMPULAN WANG INDUSTRI ELEKTRIK

Ditubuhkan di bawah keperluan Akta Bekalan Elektrik 1990 [AKTA 447]

### 13. PELBAGAI PEMIUTANG DAN PERBELANJAAN TERAKRU

	2023 RM	2022 RM
Fi Audit	20,723	18,025
Fi Ejen Cukai	3,700	3,700
Kos Penerbitan Laporan Tahunan	29,150	57,558
Kos Penerbitan Risalah	-	13,000
Kos Sistem Kewangan KWIE	72,658	326,960
<b>JUMLAH</b>	<b>126,231</b>	<b>419,243</b>

Fi audit merujuk kepada fi yang dibayar bagi tujuan pengauditan Penyata Kewangan KWIE. Mulai tahun 2019, Jabatan Audit Negara (JAN) telah melantik Firma Audit Swasta (FAS) bagi menjalankan pengauditan Penyata Kewangan KWIE.

Fi ejen cukai merujuk kepada fi yang dibayar kepada ejen cukai yang dilantik bagi menguruskan hal-hal berkenaan dengan cukai KWIE.

Laporan Tahunan KWIE telah dicetak pada akhir tahun 2023 dengan separuh bayaran kos kontrak telah dijelaskan pada 25 Oktober 2023. Baki 50% bayaran tersebut diakru dan akan dijelaskan pada awal tahun 2024.

Kos Sistem Kewangan KWIE pula merupakan kos pembangunan sistem kewangan yang belum dijelaskan kepada pembekal pada tahun semasa.

Penerangan dibaca bersama **Nota 6** dan **Nota 18**.

### 14. RIZAB

	2023 RM	2022 (Dinyatakan semula) RM
Dana awal Akaun Rizab	438,048,158	400,000,000
Tambahan 2% bagi tahun semasa	7,820,167	7,017,249
Tambahan 2% bagi tahun 2021	-	29,931,352
Lebihan bersih tahun semasa	11,446,973	1,099,557
<b>JUMLAH</b>	<b>457,315,298</b>	<b>438,048,158</b>

# KUMPULAN WANG INDUSTRI ELEKTRIK

Ditubuhkan di bawah keperluan Akta Bekalan Elektrik 1990 [AKTA 447]

## 14. RIZAB (SAMBUNGAN)

### Lebihan bersih Rizab tahun semasa

	2023 RM	2022 RM
Pendapatan faedah dana Akaun Rizab	16,278,869	1,563,545
Tolak: Perbelanjaan semasa		
Cukai kena bayar dan caj bank	(4,831,896)	(463,988)
<b>Lebihan bersih tahun semasa</b>	<b>11,446,973</b>	<b>1,099,557</b>

Mesyuarat Suruhanjaya Tenaga Bilangan 4 Tahun 2021 telah memutuskan mulai tahun 2021, tambahan 2% daripada pendapatan bagi tahun berikutnya (tidak termasuk pendapatan faedah) akan dipindahkan ke dalam Akaun Rizab sebagai langkah bagi memastikan kemampunan dana KWIE.

Pada tahun 2023, amaun tambahan 2% daripada terimaan tahun semasa berjumlah RM7.82 juta, dipindahkan ke bank Akaun Rizab setelah dana tersebut diterima oleh KWIE. Sehingga akhir tahun 2023, sebanyak RM3.95 juta telah dipindahkan ke dalam bank Akaun Rizab dan bakinya sebanyak RM4.17 juta akan dipindahkan pada tahun 2024.

Lebihan bersih tahun semasa merupakan pendapatan faedah yang dijana daripada Akaun Rizab pada tahun semasa selepas mengambil kira perbelanjaan berkaitan pengurusan Akaun Rizab, yang akan dipindahkan ke Akaun Rizab pada akhir tahun kewangan.

Selaras dengan Penyata Kewangan KWIE bagi tahun 2022 dinyatakan semula apabila ARA TNB dan ARA NUR yang berjumlah RM350.86 juta diluluskan Kerajaan pada tahun 2023 merupakan terimaan tahun 2022, rizab bagi tambahan 2% daripada terimaan tahun 2022 turut dinyatakan semula.

Item berkaitan lebihan bersih tahun semasa ini turut dilaporkan di dalam Penyata Prestasi Kewangan tahun semasa.

Penerangan dibaca bersama **Nota 10** dan **Nota 15**.

## KUMPULAN WANG INDUSTRI ELEKTRIK

Ditubuhkan di bawah keperluan Akta Bekalan Elektrik 1990 [AKTA 447]

### 15. TERIMAAN

	2023 RM	2022 (Dinyatakan semula) RM
Lebihan kutipan kadar surcaj ICPT di bawah IBR	391,008,367	-
Kos surcaj ICPT 2022 terlebih nyata	20,671	-
ARA TNB (2022)	-	350,183,952
ARA NUR (2022)	-	678,479
<b>JUMLAH</b>	<b>391,029,038</b>	<b>350,862,431</b>

Kerajaan telah memutuskan supaya lebihan kutipan surcaj ICPT bagi tempoh pelaksanaan 1 Julai hingga 31 Disember 2023, ARA TNB dan NUR bagi tahun 2022 disalurkan ke dalam dana KWIE.

Pada tahun 2023, terimaan sumbangan bagi lebihan kutipan surcaj ICPT sebanyak RM197.82 juta telah dipindahkan oleh TNB ke dalam dana KWIE, manakala baki lebihan kutipan surcaj ICPT sebanyak RM193.19 juta dan ARA TNB tahun 2022 akan dipindah ke dalam dana KWIE pada awal tahun 2024. Bagi ARA NUR pula diterima oleh KWIE pada akhir bulan Disember 2023.

Dalam masa yang sama, Penyata Kewangan KWIE bagi tahun 2022 dinyatakan semula apabila ARA TNB dan ARA NUR yang berjumlah RM350.86 juta diluluskan Kerajaan pada tahun 2023 adalah merupakan terimaan tahun 2022.

Sebanyak RM20,671 adalah surcaj ICPT bagi pemegang LAP pada tahun 2022 yang terlebih nyata dilaraskan semula pada tahun 2023.

# KUMPULAN WANG INDUSTRI ELEKTRIK

Ditubuhkan di bawah keperluan Akta Bekalan Elektrik 1990 [AKTA 447]

## 15. TERIMAAN (SAMBUNGAN)

Keputusan Kerajaan berkenaan penyaluran ke dalam dana KWIE adalah seperti berikut:

Tarikh MJM	Keputusan
i. 16 Jun 2023	ARA NUR tahun 2022 sebanyak RM0.68 juta disalurkan ke dalam dana KWIE.
ii. 21 Jun 2023	Lebihan kutipan surcaj ICPT bagi tempoh pelaksanaan 1 Julai hingga 31 Disember 2023 sebanyak RM391 juta dipindahkan ke dalam dana KWIE. <sup>1</sup>
iii. 13 Disember 2023	ARA TNB bagi tahun 2022 sebanyak RM351 juta dipulangkan ke dalam dana KWIE.

Nota:

1. Lebihan kutipan surcaj ICPT yang diluluskan oleh Kerajaan adalah berdasarkan amaun anggaran manakala amaun yang dipindahkan oleh TNB kepada KWIE berdasarkan data jualan sebenar dan terhad setakat amaun yang diluluskan oleh Kerajaan. Sekiranya amaun sebenar selepas audit melebihi amaun yang diluluskan Kerajaan, amaun perbezaan berkenaan akan dilaraskan semasa semakan tarif pada tempoh semakan berikutnya.

Penerangan dibaca bersama **Nota 10** dan **Nota 14**.

## 16. PENDAPATAN FAEDAH

	2023 RM	2022 RM
<b>Akaun Mengurus</b> (STMMD/ FD/ PJP)		
~ Faedah Matang	3,398,316	21,703,582
~ Faedah Belum Terima	1,968,955	148,754
Hibah	865,304	1,955,671
	<hr/> 6,232,575	<hr/> 23,808,007
<b>Akaun Rizab</b> (PJP)		
~ Faedah Matang	11,695,524	-
~ Faedah Belum Terima	4,557,209	1,541,203
Hibah	26,176	22,382
	<hr/> 16,278,909	<hr/> 1,563,585
<b>JUMLAH</b>	<b>22,511,484</b>	<b>25,371,592</b>

## KUMPULAN WANG INDUSTRI ELEKTRIK

Ditubuhkan di bawah keperluan Akta Bekalan Elektrik 1990 [AKTA 447]

### 17. REBAT/SURCAJ /IMBALANCE COST PASS-THROUGH (ICPT)

	2023 RM	2022 RM
TNB	-	1,002,930,000
NUR	-	2,640,000
LAP	-	2,230,637
<b>JUMLAH</b>	<b>-</b>	<b>1,007,800,637</b>

Pada tahun 2023, tiada tumpungan rebat/surcaj ICPT oleh dana KWIE memandangkan ianya ditampung sepenuhnya oleh dana dari MOF.

### 18. KOS PENTADBIRAN DAN CAJ BANK

	2023 RM	2022 RM
Elaun Kehadiran Mesyuarat	8,000	11,500
Fi Audit	20,718	18,020
Fi Ejen Cukai	3,922	4,426
Fi Pesuruhjaya Sumpah	140	-
Kos Penerbitan Laporan Tahunan	58,300	57,558
Kos Penerbitan Risalah	-	13,000
Caj Bank	160	692
<b>JUMLAH</b>	<b>91,240</b>	<b>105,196</b>

Selaras dengan seksyen 44C ABE, Mesyuarat Suruhanjaya Tenaga Bilangan 7 Tahun 2017 pada 21 Disember 2017 telah memutuskan supaya dana KWIE digunakan bagi membuat pembayaran cukai, kos khidmat perunding, kos khidmat juruaudit atau perkhidmatan khas di luar pentadbiran Suruhanjaya Tenaga. Manakala, kos-kos sokongan pentadbiran lain dibiayai sepenuhnya oleh Suruhanjaya Tenaga.

Elaun Kehadiran Mesyuarat merujuk kepada elaun yang diberikan kepada wakil tetap atau wakil ganti atau wakil luar yang hadir ke Mesyuarat Jawatankuasa KWIE (JKKWIE) mulai tahun 2017. Ahli luar JKKWIE merupakan wakil daripada Kementerian Peralihan Tenaga dan Daya Guna Awam (dikenali sebagai Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar, dan Perubahan Iklim), Kementerian Ekonomi, MOF dan Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA).

Penerangan dibaca bersama **Nota 13**.

# KUMPULAN WANG INDUSTRI ELEKTRIK

**Ditubuhkan di bawah keperluan Akta Bekalan Elektrik 1990 [AKTA 447]**

## **19. CUKAI**

	<b>2023</b> <b>RM</b>	<b>2022</b> <b>RM</b>
<b>Perbelanjaan Cukai</b>		
Cukai tahun semasa	6,681,845	7,528,927
Pengenaan subseksyen 112(3) ACP	-	200
Cukai tahun semasa	6,681,845	7,529,127
<b>Penyesuaian kadar cukai efektif</b>		
Pendapatan faedah Dana Mengurus	6,232,575	23,808,006
Pendapatan faedah Dana Rizab	16,278,909	1,563,586
	22,511,484	25,371,592
 Cukai pada RM2,000,000 pertama	528,400	517,450
Baki pada kadar cukai 30%	6,153,445	7,011,477
Perbelanjaan Cukai	6,681,845	7,528,927
	-	200
<b>JUMLAH</b>	<b>6,681,845</b>	<b>7,529,127</b>

Pada tahun kewangan 2021, MOF melalui surat pada 17 Ogos 2021 telah meluluskan pelanjutan tempoh pengecualian cukai pendapatan di peringkat pendapatan berkanun kepada KWIE untuk tempoh tiga (3) tahun mulai tahun taksiran (TT) 2022 sehingga TT 2024. Kelulusan tersebut diberikan dengan syarat, KWIE perlu mengisytiharkan pendapatan kepada LHDNM setiap tahun.

Sehubungan itu, pendapatan faedah KWIE yang merupakan pendapatan lain yang diterima KWIE adalah tertakluk kepada cukai oleh LHDNM.

# KUMPULAN WANG INDUSTRI ELEKTRIK

Ditubuhkan di bawah keperluan Akta Bekalan Elektrik 1990 [AKTA 447]

## 20. LEBIHAN/(KURANGAN) SELEPAS CUKAI

	2023 RM	2022 (Dinyatakan semula) RM
Lebihan/(Kurangan) bersih selepas cukai	406,622,121	(639,322,033)
<b>JUMLAH</b>	<b>406,622,121</b>	<b>(639,322,033)</b>

Pada tahun 2023, KWIE menerima dana daripada lebihan kutipan surcaj ICPT berjumlah RM391.02 juta. Pada masa yang sama, tiada rebat/surcaj ICPT yang tampung oleh KWIE pada tahun semasa. Perbelanjaan lain oleh KWIE termasuk cukai tahun semasa berjumlah RM6.89 juta.

Sehubungan itu, KWIE mencatatkan lebihan selepas cukai sebanyak RM406.62 juta pada tahun 2023 berbanding kurangan selepas cukai sebanyak RM639.32 juta pada tahun sebelumnya.

Penyata Kewangan KWIE bagi tahun 2022 dinyatakan semula apabila ARA TNB tahun 2022 dan ARA NUR tahun 2022 berjumlah RM350.86 juta yang diluluskan oleh Kerajaan pada tahun 2023 diiktiraf sebagai terimaan tahun 2022. Secara tidak langsung, lebihan selepas cukai bagi tahun 2022 turut dinyatakan semula.

## 21. PENDEDAHAN PIHAK BERKAITAN

Transaksi dengan kakitangan pengurusan penting merujuk kepada seseorang yang mempunyai kuasa dan tanggungjawab dalam merancang, mengarah dan mengawal aktiviti KWIE secara langsung atau tidak langsung. Transaksi yang berkaitan dengan kakitangan pengurusan penting dalam tahun kewangan semasa adalah seperti berikut:

	2023 RM	2022 RM
Elaun Kehadiran Mesyuarat	8,000	11,500
<b>JUMLAH</b>	<b>8,000</b>	<b>11,500</b>

# KUMPULAN WANG INDUSTRI ELEKTRIK

Ditubuhkan di bawah keperluan Akta Bekalan Elektrik 1990 [AKTA 447]

## 21. PENDEDAHAN PIHAK BERKAITAN (SAMBUNGAN)

Sepanjang tahun 2023, Mesyuarat JKKWIE telah bersidang sebanyak tiga (3) kali (2022: empat (4) kali) bagi membincangkan dan memperakukan cadangan-cadangan yang berkaitan dengan pengurusan dana KWIE.

## 22. KOMITMEN MODAL

	2023 RM	2022 RM
<b>Diluluskan dan Dikontrakkan</b>		
Kerja Dalam Pembangunan Sistem Kewangan KWIE (Modul Hasil)	65,402	73,577
Penyelenggaraan Sistem	240,026	240,026
<b>JUMLAH</b>	<b>305,428</b>	<b>313,603</b>

Pembangunan Sistem Kewangan KWIE (SAGA) melibatkan bahagian Modul Kewangan dan Modul Hasil.

Komitmen modal adalah baki kontrak bagi projek pembangunan Sistem Kewangan KWIE (SAGA) bagi Modul Hasil termasuk kos penyelenggaraan sistem selama dua (2) tahun selepas tamat tempoh jaminan berjumlah RM240,026.

Bagi bahagian Modul Kewangan, ianya siap digunakan pada tahun 2022 dan telah diiktiraf sebagai aset tak ketara.

Baki sebanyak RM65,402 merupakan kos integrasi dan kos jaminan bagi Modul Hasil yang akan berintegrasi dengan Sistem Digital Suruhanjaya Tenaga setelah pembangunan Sistem Digital Suruhanjaya Tenaga siap pada tahun 2024 kelak.

# KUMPULAN WANG INDUSTRI ELEKTRIK

Ditubuhkan di bawah keperluan Akta Bekalan Elektrik 1990 [AKTA 447]

## 23. PELARASAN TAHUN SEBELUM

Penyata Kewangan KWIE bagi tahun 2022 dinyatakan semula apabila ARA TNB dan ARA NUR tahun 2022 yang berjumlah RM350.86 juta diluluskan oleh Kerajaan pada tahun 2023, iaitu selepas Penyata Kewangan KWIE bagi tahun 2022 ditandatangani oleh Ketua Audit Negara.

## 24. ANGKA PERBANDINGAN

Angka-angka perbandingan bagi tahun lepas telah disusun semula supaya selaras dengan angka yang telah dibentangkan tahun ini.

### PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN

	Seperti yang dinyatakan semula 2022 RM	Seperti yang dilaporkan terdahulu 2022 RM
<b>Aset Semasa</b>		
Penghutang	350,862,431	-
<b>Jumlah Aset</b>	944,988,500	594,126,069
 <b>Lebihan Terkumpul</b>	 498,287,098	 154,441,916
<b>Rizab</b>	438,048,158	431,030,909
<b>ASET BERSIH</b>	<b>936,335,256</b>	<b>585,472,825</b>

# KUMPULAN WANG INDUSTRI ELEKTRIK

Ditubuhkan di bawah keperluan Akta Bekalan Elektrik 1990 [AKTA 447]

## 24. ANGKA PERBANDINGAN (SAMBUNGAN)

### PENYATA PRESTASI KEWANGAN

	Seperti yang dinyatakan semula 2022 RM	Seperti yang dilaporkan terdahulu 2022 RM
<b>Hasil Daripada Urusniaga Bukan Pertukaran</b>		
Terimaan	350,862,431	-
	<hr/>	<hr/>
	376,234,023	25,371,592
<b>KURANGAN SEBELUM CUKAI</b>	<b>(631,792,906)</b>	<b>(982,655,537)</b>
<b>KURANGAN SELEPAS CUKAI</b>	<b>(639,322,033)</b>	<b>(990,184,464)</b>

### PENYATA ALIRAN TUNAI

	Seperti yang dinyatakan semula 2022 RM	Seperti yang dilaporkan terdahulu 2022 RM
<b>Aliran tunai daripada aktiviti operasi</b>		
Kurangan sebelum cukai	(631,792,906)	(982,655,537)
<b>Kurangan sebelum perubahan modal kerja</b>	<b>(657,043,402)</b>	<b>(1,007,906,033)</b>
Perubahan dalam modal kerja: (Peningkatan)/Pengurangan		
Penghutang	(341,609,028)	9,253,403
<b>Tunai digunakan dalam aktiviti operasi</b>	<b>(1,249,563,611)</b>	<b>(1,249,563,811)</b>



## **Suruhanjaya Tenaga (Energy Commission)**

✉ No. 12, Jalan Tun Hussein,  
Presint 2, 62100 Putrajaya

☎ (603) 8870 8500    📄 (603) 8888 8637

🌐 [www.st.gov.my](http://www.st.gov.my)